

KAJIAN PENGARUH SENIBINA MOGUL PADA MASJID ZAHIR DI KEDAH

AHMAD NABIL BIN AHMAD RADZI

UNIVERSITI

IJAZAH SARJANA MUDA PENGAJIAN WARISAN DENGAN KEPUJIAN

MALAYSIA

KELANTAN

2021



**UNIVERSITI
MALAYSIA
KELANTAN**

**KAJIAN PENGARUH SENIBINA MOGUL PADA MASJID ZAHIR
KESAN PENGARUH SENI MOGUL PADA SENI BINA MASJID ZAHIR
TERHADAP IDENTITI SENI MELAYU**

DISEDIAKAN OLEH:

AHMAD NABIL BIN AHMAD RADZI

C18A0479

Laporan Projek Akhir Ini Dikemukakan Sebagai Syarat Dalam Memenuhi Penganugerahan
Ijazah Sarjana Muda Pengajian Warisan Dengan Kepujian

**Fakulti Teknologi Kreatif Dan Warisan
UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN**

2021

PERAKUAN STATUS TESIS

Saya dengan ini memperakukan bahawa kerja yang terkandung dalam tesis ini adalah hasil penyelidikan yang asli dan tidak pernah dikemukakan oleh ijazah tinggi kepada mana-mana Universiti atau institusi.

TERBUKA Saya bersetuju bahawa tesis boleh didapati sebagai naskah keras atau akses terbuka dalam talian (teks penuh)

SEKATAN Saya bersetuju bahawa tesis boleh didapati sebagai naskah keras atau dalam talian (teks penuh) bagi tempoh yang diluluskan oleh Jawatankuasa Pengajian Siswazah.

Dari tarikh _____ hingga _____

SULIT (Mengandungi maklumat sulit di bawah Akta Rahsia Rasmi 1972)*

TERHAD (Mengandungi maklumat terhad yang ditetapkan oleh organisasi di mana penyelidikan dijalankan)*

Saya mengakui bahawa Universiti Malaysia Kelantan mempunyai hak berikut:

1. Tesis adalah hak milik Universiti Malaysia Kelantan.
2. Perpustakaan Universiti Malaysia Kelantan mempunyai hak untuk membuat salinan tujuan pengajian sahaja.
3. Perpustakaan dibenarkan membuat salinan tesis ini sebagai bahan pertukaran antara institusi pengajian.

Tandatangan Utama

Tandatangan Penyelia

AHMAD NABIL BIN AHMAD RADZI

TS. DR MUKHTARUDDIN BIN MUSA

Tarikh:

Tarikh:

Nota* Sekiranya Tesis ini adalah SULIT atau TERHAD, sila keipilkan bersama surat daripada organisasi dengan menyatakan tempoh dan sebab-sebab kerahsiaan dan sekatan.

PENGHARGAAN

Bismillahirrahmanirahim...

Alhamdulillah, syukur ke hadrat Illahi dengan limpah rahmat serta nikmat masa, nyawa dan tenaga yang telah dianugerahkan olehNya kepada saya untuk menyiapkan tugas ini dengan jayanya.

Pertamanya, saya ingin mendedikasikan ucapan penghargaan ini kepada pensyarah yang disayangi iaitu Dr Ts. Shahariah Norain Binti Shahrudin dan Ts Dr. Mukhtaruddin Bin Musa kerana tunjuk ajar serta bimbingan daripadanya dalam membuka minda saya dalam menyiapkan tugas ini.

Saya juga ingin mengucapkan terima kasih yang tidak terhingga kepada ibu bapa saya memberikan semangat dalam menyiapkan tugas ini. Mereka telah memberikan segala kemudahan daripada segi sokongan moral dan kewangan yang tiada penghujungnya kepada saya bagi menyiapkan tugas ini.

Ucapan ini juga saya tujukan kepada rakan-rakan yang banyak memberi peringatan terhadap setiap masa ketika saya alpa sewaktu melakukan tugas. Mereka membantu saya dengan memberikan buah fikiran, menjawab pertanyaan yang diajukan dan sokongan moral dalam menyiapkan tugas ini.

Akhir madah, saya mengucapkan terima kasih kepada mereka yang terlibat secara langsung atau tidak langsung dalam tugas akhir pengajian ini. Terima Kasih.

ISI KANDUNGAN

KANDUNGAN		MUKA SURAT
PERAKUAN TESIS		i
PENGHARGAAN		ii
ISI KANDUNGAN		iii
SENARAI RAJAH		viii
SENARAI JADUAL		ix
ABSTRAK		x
ABSTRACT		xi
BAB 1	PENDAHULUAN	1
1.0	Pengenalan	1
1.1	Latar Belakang	2
1.2	Permasalahan Kajian	5
1.3	Persoalan Kajian	8
1.4	Objektif Kajian	8
1.5	Skop Kajian	9
1.6	Kepentingan Kajian	10
1.7	Struktur Laporan	13

BAB 2 SOROTAN KAJIAN	14
2.0 Pengenalan	14
2.1 Definisi Istilah	14
2.1.1 Warisan	15
2.1.2 Jenis Warisan (Warisan Ketara)	15
2.1.3 Seni Bina	16
2.1.4 Pengaruh Seni Mogul	17
2.1.5 Masjid Zahir	18
2.1.6 Identiti Seni Melayu	18
2.2 Kajian Lepas Masjid	20
2.2.1 Reka Bentuk Bumbung	21
2.2.2 Seni Hiasan	21
2.2.3 Menara	22
2.2.4 Ruang Solat	22
2.2.5 Mihrab	22
2.3 Asal-usul Pembinaan Masjid Zahir	23
2.4 Penggunaan Seni Bina Mogul	24
2.5 Kerangka Teori	24
2.5.1 Pendekatan Estetika Seni	25

2.6	Penutup	26
BAB 3 METODOLOGI KAJIAN		27
3.0	Pengenalan	27
3.1	Reka Bentuk Kajian	27
3.1.1	Kaedah Kualitatif	28
3.1.2	Kaedah Kuantitatif	28
3.1.3	Kaedah Campuran	28
3.1.4	Pemilihan Reka Bentuk Kajian	29
3.2	Pengumpulan Data	29
3.2.1	Data Primer	30
3.2.2	Data Sekunder	31
3.2.3	Proses Kajian	33
3.3	Persampelan	34
3.3.1	Organisasi Masjid Zahir	34
3.3.2	Jemaah Masjid Zahir	34
3.4	Instrumen	35
3.4.1	Temubual	35
3.5	Analisis Data	36
3.6	Kesimpulan	37

BAB 4 DAPATAN KAJIAN	38
4.0 Pengenalan	38
4.1 Analisis Demografi Responden	39
4.2 Kesan Pengaruh Seni bina Mogul Terhadap Seni Bina Tradisional Melayu	41
4.2.1 Kesan dari Nilai Estetika	41
4.2.2 Kesan dari Aspek Emosi	44
4.2.3 Kesan dari Nilai Kreativiti	46
4.2.4 Kesan dari Material	51
4.3 Kesedaran Masyarakat Kedah Terhadap Seni Bina Mogul Pada Masjid Zahir	53
4.3.1 Kesedaran Terhadap Reka Bentuk Kubah	53
4.3.2 Kesedaran Terhadap Reka Bentuk Dalaman	54
4.3.3 Kesedaran Terhadap Material yang Digunakan	54
4.4 Penutup	55
BAB 5 KESIMPULAN DAN CADANGAN	56
5.0 Pengenalan	56
5.1 Kesimpulan	56
5.2 Cadangan	58

BIBLIOGRAFI


59

LAMPIRAN


62



UNIVERSITI



MALAYSIA



KELANTAN

SENARAI RAJAH

NO.		MUKA SURAT
1.1	Kawasan Hadapan Masjid Zahir	3
1.2	Kubah Masjid Zahir	4
1.3	Pintu hadapan Masjid Zahir	4
1.4	Peta Sekitar Masjid Zahir	9
4.1	Tiang Kembar Dua	42
4.2	Tiang Tiada Kembar	43
4.3	Tiang Kembar Tiga	
4.4	Pandangan Bawah Kubah Masjid Zahir	
4.5	Ukiran pada Mihrab Masjid Zahir	43
4.6	Masjid Lama yang Kini Dikenali Sebagai Masjid Ar-Rahmah	45
4.7	Kedudukan Masjid Lama Dipindahkan	45
4.8	Pelan Menunjukkan Ruang Tambahan Solat dan Ruang Solat Utama	48
4.9	Kawasan Tambahan Ruang Solat	49
4.10	Seni Ukiran Melayu pada Mimbar	50
4.11	Bumbung Berpiramid pada Masjid Zahir	50
4.12	Penggunaan Kayu pada Pintu Masjid Zahir	51

SENARAI JADUAL

NO.		MUKA SURAT
3.2	Proses Kajian	34
4.1	Demografi Responden	40



**Kesan Pengaruh Seni Mogul Pada Seni Bina Masjid Zahir Terhadap Identiti Seni
Melayu**

ABSTRAK

Projek Penyelidikan ini merupakan satu kajian tentang “Kesan Pengaruh Seni Mogul Pada Seni Bina Masjid Zahir Terhadap Identiti Seni Melayu”. Masjid Zahir merupakan masjid yang signifikan bagi masyarakat Kedah. Masjid Zahir dibina pada tanggal 11 Mac 1912. Kedudukan masjid ini terletak di tengah-tengah bandaraya Alor Setar dan bersebelahan Sungai Kedah. Di Malaysia, terdapat banyak seni bina asing yang diterapkan di dalam bangunan- bangunan penting, sebagai contoh pengaruh seni bina Mogul pada Masjid Zahir. Terdapat beberapa permasalahan kajian yang diusulkan dalam kajian ini seperti pengaruh seni bina asing yang memengaruhi seni bina Masjid Zahir. Objektif kajian yang dapat dirungkaikan adalah seperti, mengenal pasti samaada pengaruh seni bina Mogul pada Masjid Zahir memberi kesan kepada identiti seni bina Melayu dan kesedaran masyarakat Kedah terhadap seni bina yang diterapkan di dalam Masjid Zahir. Kaedah analisa kajian lepas, pemerhatian, temubual, dan secara soal selidik digunakan bagi mendapatkan data maklumat sekaligus memudahkan proses penyelidikan ini daripada awal hingga akhir. Kajian ini bukan sahaja bagi merungkai seni bina yang digunakan pada Masjid Zahir bahkan meningkatkan kesedaran awam tentang identiti seni Melayu yang semakin dilupakan. Oleh itu, kajian ini penting supaya generasi akan datang dapat memahami konsep dan seni bina yang terdapat dalam masjid di Malaysia.

The Impact Of Mughal Influence On Masjid Zahir Against Malay Architecture Identity

ABSTRACT

This research is about “The Impact Of Mughal Influence On Masjid Zahir Against Malay Architecture Identity”. Masjid Zahir in Alor Setar is a significant mosque for the people in Kedah. Masjid Zahir was built on March 11, 1912. This mosque is located in the heart of Alor Setar and next to Kedah River. In Malaysia, there is a lot of foreign architecture applied in important building, for example the influence of Mughal architecture on Masjid Zahir. There are several research problems proposed in this study such as the foreign influence that had been applied in Masjid Zahir architecture. The objectives of the study is expounded upon is like, identify whether the impact of Mughal architecture at Masjid Zahir affect the identity of Malay architecture and to identify Kedahan awareness about Masjid Zahir architecture that being used on it. Method of analysis of previous studies, observations and questionnaires are used to obtain information data while facilitating the research process from the beginning to the end. This study is open only for dismantling the architecture used in the Masjid Zahir even increase public awareness of the identity of Malay architecture that had been forgotten. Therefore, this study is important so that future generations can understand the concepts and architecture found in mosques in Malaysia.

UNIVERSITI
MALAYSIA
KELANTAN

BAB 1

PENDAHULUAN

1.0 Pengenalan

Bab 1 dalam kajian ini akan menerangkan tentang latar belakang, permasalahan, persoalan, objektif, skop dan kepentingan kajian. Sebagai muqaddimah, identiti seni bina masjid di Malaysia mempunyai reka bentuk dan gaya unik yang dipengaruhi oleh budaya tempatan dan budaya asing dan antara pengaruh senibina yang boleh dikenalpasti ialah pengaruh seni bina daripada kerajaan Mogul. Menurut Noor Hafiza Ismail, Hamdzun Haron Zuliskandar Ramli, Salina A.M, Sharifah Nur Izzati S.H, Azni H.H, Nani Hartina dan Norwani M.N, (2015) masjid boleh didefinisikan sebagai rumah tuhan atau rumah ibadat. Menurut mereka lagi, reka bentuk masjid yang berbeza menunjukkan kehebatan idea masyarakat yang kreatif. Oleh itu, senibina masjid telah dipelbagaikan dalam usaha mencantikkan dan menaikkan institusi masjid untuk menarik minat umat Islam dan bukan Islam dalam menghayati keindahan seni bina masjid. Misalnya dalam konteks seni bina masjid di negeri Kedah mengalami asimilasi seni bina yang cuba dijadikan sebagai ciri-ciri seni bina masjid tempatan.

1.1 Latar Belakang Kajian

Kajian yang dijalankan adalah berkisarkan kesan pengaruh seni bina Mogul pada Masjid Zahir di Kedah memberi kesan terhadap identiti seni bina Melayu. Masjid Zahir merupakan masjid yang signifikan kepada Kesultanan

Kedah dan masyarakatnya, di mana masjid ini dibina di tengah-tengah bandaraya Alor Setar. Masjid ini terletak bersebelahan dengan Sungai Kedah. Menurut Ahmad Sid Hijjaz Md Saaid & Ahmad Sanusi Hassan (2019), terdapat hampir 550 masjid di Kedah dan sebahagian daripada masjid-masjid tersebut menggunakan seni bina Masjid Zahir sebagai inspirasi kerana dalam seni bina mempunyai istilah bina rumah rumah baru berdasarkan rumah lain.

Pengaruh Mogul pada Masjid Zahir: Satu Kajian Tentang Masjid Rural Di Kedah, Malaysia menceritakan tentang pengaruh Mogul pada Masjid Zahir. Masjid Zahir atau nama lainnya Masjid Zahrah atau Masjid Raja. Melalui pembacaan di akhbar atas talian MalaysiaKini (2015), usaha untuk membangunkan Masjid Zahir yang terletak di tengah-tengah bandaraya Alor Setar telah dibangkitkan oleh Tunku Mahmud dan pembinaan masjid ini dimulakan pada 11 Mac 1912. Idea asal Masjid Zahir diusulkan oleh Sultan Muhammad Jiwa II hasil inspirasi daripada Masjid Azizi yang didirikan oleh Kesultanan Langkat.

Senibina masjid di Malaysia mempunyai dua kategori iaitu masjid tradisional dan masjid kolonial. Masjid kategori tradisional merupakan masjid yang pada asasnya berunsurkan kawasan dan identiti tempatan. Manakala masjid kategori kolonial merupakan masjid yang mempunyai pengaruh luar seperti Asia Tengah, Maghribi atau India (A.G Ahmad,1999; Basri.F, 2002). Menurut Khazaee (2015) dalam kajian mereka mengkategorikan Masjid Zahir sebagai masjid yang mempunyai identiti kolonial. Kajian ini juga membuat pemerhatian tentang perbezaan Moorish dan Mogul yang mempengaruhi masjid-masjid awal di Malaysia. Terdapat banyak kajian mengenai institusi masjid di Malaysia tetapi kajian mengenai senibina masjid tempatan amat sedikit. Lima buah masjid yang telah dikaji merupakan masjid yang biasa dijumpai di kawasan luar bandar, tetapi setiap masjid ini mempunyai keistimewaan tersendiri yang

membawa kepada pengaruh senibina Mogul yang mempengaruhi masjid tersebut.

Hal ini kerana kemasukan pengaruh asing seperti seni bina Mogul dalam bangunan penting sebagai contohnya Masjid Zahir telah menyebabkan kehilangan identiti bagi seni bina Melayu. Malahan seni bina asing telah sebat di dalam jiwa masyarakat sehingga seni bina ini perlu dikekalkan dalam setiap masjid yang akan dibina. Masjid yang dibina menggunakan seni bina asing tidak menjadi kesalahan tetapi perlu diambil perhatian terhadap seni bina yang digunakan agar tidak menjadi kesalahfahaman dan tidak melupakan seni bina Alam Melayu.



Rajah 1.1 : Kawasan hadapan Masjid Zahir

Sumber : Foto daripada Portal Rasmi Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Kedah

MALAYSIA
KELANTAN



Rajah 1.2 : Kubah Masjid Zahir

Sumber : Foto daripada Google Image



Rajah 1.3 : Pintu Hadapan Masjid Zahir

Sumber : Foto daripada Shutterstock

1.2 Permasalahan Kajian

Pernyataan masalah merupakan bahagian yang akan menerangkan tentang isu dan masalah yang ingin dikaji di dalam penyelidikan. Bahagian ini amat penting dalam penyelidikan. Permasalahan kajian ini telah diperoleh daripada pembacaan dan kajian lepas.

i. Masjid Zahir tidak mencerminkan Identiti Melayu

Masjid Zahir merupakan masjid yang dibina di Kedah. Unikny Masjid Zahir menjadi salah satu masjid yang tertua di Kedah dan Malaysia. Meskipun merupakan masjid yang masyhur di Kedah namun isu yang dapat dibangkitkan ialah senibina Masjid Zahir tidak mencerminkan identiti seni Melayu. Menurut M. Surat, M.T.M Rasdi, A.R Musa, N. Utaberta, M.M Tahir, (2011), sejak permulaan kedatangan Islam ke Tanah Melayu, sistem kubah tidak pernah digunakan dan kubah tidak boleh dijadikan sebagai unsur utama Islam jika masjid Alam Melayu tidak menggunakannya sejak berkurun lagi. Menurut mereka lagi, kubah sebagai elemen utama tidak pernah dimartabatkan dalam masjid era tradisional dan kolonial. Selama berkurun masjid di Alam Melayu tidak berkubah sehingga kurun ke 20. Berikutan itu, masjid di Malaysia terbahagi kepada dua iaitu masjid tradisional dan masjid kolonial (A.G Ahmad,1999; Basri F, 2002). Masjid Zahir boleh dikategorikan sebagai masjid yang mempunyai identiti kolonial iaitu menggunakan pengaruh Mogul menurut kajian Khazaee. M (2015).

ii. Faktor Kesedaran Masyarakat

Seterusnya, keunikan yang menarik minat pengunjung pada masjid ini ialah kubah berwarna hitam yang dikelilingi dengan lima lagi

kubah kecil. Masjid Zahir juga menjadi tarikan pengunjung kerana masjid itu berdekatan dengan Istana Pelamin, Balai Nobat, Galeri Sultan Abdul Hamid dan Balai Besar. Berikutan dengan itu masyarakat di sekeliling hanya memandang kecantikan masjid sahaja dan tidak menyedari tentang pengaruh asing yang mempengaruhi senibina masjid tersebut. Menurut Ahmad Sid Hijjaz Md Saaid & Ahmad Sanusi Hassan (2019) menyatakan berkemungkinan tidak ramai yang mengambil perhatian tentang isu senibina, identiti dan gaya rupa masjid tempatan. Hal ini menunjukkan masyarakat setempat hanya menggunakan masjid sebagai tempat ibadah sahaja dan tidak mengamati seni bina yang digunakan pada Masjid Zahir. Oleh itu kajian ini dijalankan untuk memberi kesedaran kepada masyarakat Kedah tentang pengaruh luar yang berada pada Masjid Zahir sebagai masjid yang dibina di Tanah Melayu.

iii. **Faktor Gaya Rupa dan Reka Bentuk**

Masjid di Malaysia mempunyai banyak gaya rupa dan reka bentuk yang mempunyai pelbagai pengaruh tidak kira tempatan atau pengaruh seni bina asing. Hal ini dinyatakan oleh Nurul Izza Mohd (2016), masjid di Malaysia melalui pelbagai proses asimilasi dari pelbagai pengaruh gaya rupa dan reka bentuk semenjak awal pembinaan pada abad ke 16. Menurutnya lagi, disebabkan itu terdapat pelbagai pengaruh yang menghiasi reka bentuk masjid di Malaysia. Ahmad A.G (1999) dan Basri. F (2002) pula berpendapat bahawa masjid di Malaysia dibahagikan kepada dua kategori iaitu masjid kolonial dan masjid tradisional. Menurut M. Surat & etc (2011), gaya rupa dan reka bentuk masjid bergantung kepada bahan binaan yang dapat ditemui di sesuatu kawasan sebagai contoh Malaysia yang mempunyai kekayaan daripada segi sumber kayu membentuk masjid yang mempunyai unsur pyramid. Beliau juga

berpendapat bahawa masjid setempat dipengaruhi keadaan sekeliling daripada segi teknologi keselesaan dan iklim sebagai contoh gaya rupa masjid warisan yang mempunyai ruang bukaan seperti pintu, tingkap, lubang dan kekisi angin disebabkan iklim tropika di Malaysia. Oleh hal demikian, penyelidikan tentang gaya rupa dan reka bentuk bagi seni bina masjid di Malaysia terlampau banyak tidak kira seni bina warisan atau seni bina asing perlu dijalankan kerana kajian akademik tentang seni bina masjid ini sangat sedikit (Ahmad Sid Hijjaz Md Saaid & Ahmad Sanusi Hassan, 2019).

1.3 Persoalan Kajian

Persoalan kajian bagi penyelidikan ini adalah :

- i) Adakah pengaruh Mogul pada Masjid Zahir memberi kesan kepada identiti seni Melayu?
- ii) Sejauh mana kesedaran masyarakat Kedah tentang pengaruh seni bina Mogul yang digunakan pada Masjid Zahir?

1.4 Objektif Kajian

Melalui kajian ini terdapat beberapa objektif kajian yang dapat dirungkai oleh pengkaji:

- i) Mengenalpasti kesan pengaruh seni bina Mogul terhadap identiti seni bina Melayu.
- ii) Mengkaji kesedaran kepada masyarakat Kedah tentang pengaruh seni bina Mogul yang digunakan pada Masjid Zahir.

1.5 Skop Kajian

Kajian yang akan dijalankan ialah untuk mengkaji pengaruh Mogul yang mempengaruhi Masjid Zahir di Kedah dengan mengenal pasti struktur yang mempunyai pengaruh luar pada bangunan tersebut melalui kaedah-kaedah tertentu seperti analisa kajian lepas, pemerhatian, temubual, dan secara kajian lapangan. Kajian ini juga dijalankan untuk melihat kesedaran masyarakat Kedah tentang pengaruh luar pada Masjid Zahir. Skop kajian ini hanya di Masjid Zahir sahaja. Segala kajian dan informasi hanya boleh didapati di lokasi kajian.

i Lokasi Kajian

Lokasi kajian ialah di Masjid Zahir yang berdekatan dengan Balai Nobat berhadapan Lebuhraya Darulaman. Hal ini untuk memudahkan kajian berkenaan kesedaran masyarakat Kedah mengenai pengaruh seni bina asing pada Masjid Zahir.



Rajah 1.4: Peta sekitar Masjid Zahir

Sumber: Google Maps

1.6 Kepentingan Kajian

Pengkaji yang menjalankan kajian perlu mempunyai kepentingan dan nilainya kepada semua pihak. Senibina dan gayarupa bangunan bersejarah seperti Masjid Zahir sering menjadi topik yang dibincangkan. Hal ini bukan sahaja dapat memenuhi kepentingan banyak pihak bahkan membantu dalam penyelesaian masalah kajian ini. Kajian tentang pengaruh Mogul dalam senibina Masjid Zahir sememangnya dapat memberikan manfaat individu iaitu pengkaji, masyarakat, institusi malahan negara dan juga sektor pelancongan. Antara kepentingan yang ingi dicapai oleh pengkaji adalah seperti berikut :

i) Individu

Dari segi individu, kajian ini dapat merungkai sejarah dan asal-usul Masjid Zahir yang mempunyai nilai estetika asing iaitu pengaruh Mogul namun kurang mendapat perhatian daripada masyarakat setempat. Dalam hal ini maklumat dapat diperolehi daripada imam Masjid Zahir tanpa dapatan yang ditokok tambah. Selain itu, pengkaji dapat mengenalpasti samaada pengaruh Mogul dalam struktur Masjid penyebab kepada hilangnya identiti Kemelayuan. Keadaan ini akan membolehkan pengkaji memahami senibina dan gayarupa Mogul pada Masjid Zahir.

ii) Masyarakat

Dari segi masyarakat ialah mengetahui senibina dan gayarupa yang digunakan pada Masjid Zahir. Keadaan ini akan membolehkan pengkaji memahami senibina dan gayarupa Mogul pada Masjid Zahir. Kemudian kajian ini juga boleh memberikan kesedaran kepada masyarakat Kedah tentang senibina dan gayarupa Mogul pada Masjid Zahir. Melalui kajian ini masyarakat dapat membuka mata tentang

pengaruh luar yang mempengaruhi sebahagian bangunan bukan sahaja di negeri Kedah bahkan di seluruh Malaysia. Masyarakat juga dapat mempelajari seni bina dan gayarupa Masjid Zahir, bukan sahaja menggunakan untuk keperluan harian seperti solat dan lawatan.

iii) Institusi

Kajian ini dilakukan untuk mengetahui kesan pengaruh seni bina Mogul pada Masjid Zahir terhadap seni bina Melayu. Pengkaji berharap dapat memberikan kemudahan kepada pelajar dalam mencari rujukan tentang penyelidikan masing-masing. Hal ini kerana kajian yang dilakukan dapat memberi pengetahuan yang baharu terhadap pelajar tentang seni bina Mogul yang berada bukan sahaja pada Masjid Zahir bahkan kebanyakan bangunan penting di Malaysia menggunakan pengaruh seni bina asing. Kajian ini juga boleh membuka mata institusi untuk melakukan kajian lebih lanjut tentang seni bina asing yang berada di Malaysia dan kesan terhadap seni bina Melayu yang semakin dilupakan.

iv) Pengurusan Masjid Zahir

Pengurusan Masjid Zahir merupakan golongan yang mampu memberikan respon terbaik melalui kajian ini. Pengkaji berharap dengan kajian yang dilakukan dapat memberi sudut pandang baru kepada pengurusan Masjid Zahir dalam memberikan pemahaman atau pengetahuan umum. Hal ini kerana, melalui pengurusan Masjid dapat memberi informasi kepada jemaah dan pengunjung yang datang tentang seni bina yang digunakan dalam seni bina Masjid Zahir.

v) Pelancongan

Masjid Zahir merupakan masjid yang cantik dan berusia lebih 100 tahun. Oleh sebab itu masjid ini menjadi destinasi kunjungan daripada masyarakat dalam dan luar Kedah. Tetapi masih ramai masyarakat luar Kedah belum mengetahui nama Masjid Zahir meskipun tersenarai antara masjid tertua di Malaysia. Dengan kajian ini, pengkaji berharap dapat memberikan pengetahuan baru kepada masyarakat tentang seni bina Mogul yang terdapat pada Masjid Zahir. Seterusnya, akan menarik pelancong asing yang ingin mengkaji tentang seni bina Mogul pada Masjid Zahir. Diharapkan kajian ini bukan sahaja mampu menaikkan sektor pelancongan negeri Kedah bahkan meningkatkan ekonomi negara.

1.7 Struktur Laporan

Bab 1 merupakan pengenalan kepada tajuk kajian iaitu Kesan Pengaruh Seni Mogul pada Masjid Zahir Terhadap Identiti Seni Melayu. Bab ini juga merangkumi persoalan kajian, objektif kajian, kepentingan kajian dan sebagainya.

Bab 2 merupakan sorotan kajian yang dilakukan oleh pengkaji lepas berkaitan dengan tajuk kajian. Bab ini juga merangkumi definisi istilah yang digunakan bagi memberi penerangan tentang kajian yang akan dilakukan dengan lebih jelas.

Manakala **bab 3**, menerangkan tentang metodologi kajian yang akan dijalankan ketika kajian berlangsung. Bab ini juga menerangkan tentang kaedah yang akan dilakukan seperti kualitatif atau kuantitatif dan pendekatan yang digunakan bagi menjalankan kajian ini.

Bab 4 merupakan dapatan kajian yang diperolehi menggunakan kaedah dan pendekatan yang telah dibincangkan. Dalam dapatan kajian ini menerangkan tentang persoalan kajian dengan secara terperinci melalui susunan objektif kajian.

Akhir sekali **bab 5** menerangkan tentang kesimpulan yang dibuat oleh pengkaji setelah kajian dilakukan. Bab ini juga merumuskan dapatan kajian beserta cadangan kepada pengkaji akan datang tentang tajuk kajian yang dilakukan.

UNIVERSITI
MALAYSIA
KELANTAN

BAB 2

SOROTAN KAJIAN

2.0 Pengenalan

Bab ini akan menerangkan tentang sorotan kajian lepas yang telah dibuat bagi membuktikan kajian yang dilakukan bukan sekadar rekaan. Dalam kata lain, kajian yang dibuat oleh individu lepas berkaitan dengan kajian kini. Bahan yang digunakan bagi mendapatkan maklumat adalah melalui jurnal dan pembacaan daripada kajian terdahulu di Masjid Zahir. Dalam sorotan kajian ini terdapat definisi istilah bagi kajian ini, teori yang digunakan dan penutup.

2.1 Definisi Istilah

Definisi istilah merupakan bahagian yang akan menerangkan konteks kajian sahaja dan sesuatu istilah perlu diterangkan secara jelas supaya pembaca dapat memahami kajian ini dengan mudah. Hal ini kerana, setiap individu mempunyai pemahaman yang berbeza. Oleh itu, bahagian ini akan menerangkan istilah yang dapat difahami oleh pembaca. Bahagian ini juga menerangkan teori yang akan digunakan dalam kajian yang akan dijalankan iaitu Teori Estetika Seni.

2.1.1 Warisan

Warisan merupakan sesuatu peninggalan, sejarah dan latar belakang bagi sesuatu kelompok manusia. Warisan juga boleh didefinisikan sebagai peninggalan lepas yang perlu diambil iktibar daripada sejarah walaupun terdapat masam dan manisnya. Dalam Akta Warisan Kebangsaan, 2005 menyatakan

sebarang tinggalan turun temurun samaada buatan atau semula jadi yang alih atau tidak alih dan yang nampak atau tidak nampak. Warisan ini dimaksudkan hasil perbuatan masyarakat terdahulu yang menjadi kegunaan masyarakat kini dan menjadi sebahagian daripada peralatan masa kini. Definisi warisan ini juga diteruskan dalam ayat sambungan bagi Akta Warisan Kebangsaan, 2005 menjelaskan warisan adalah tapak warisan, objek warisan, warisan kebudayaan bawah air atau mana-mana orang hidup yang disyihar sebagai warisan kebangsaan. Definisi daripada Akta Warisan Kebangsaan 2005 dijelaskan dalam kajian Yuszaidy M.F, Hanapi D. Hanapi Dollah dan AB Samad Kechot, (2011), warisan adalah satu peninggalan generasi terdahulu kepada generasi kini melalui hasil kerja tangan, pemikiran, falsafah dan kreativiti mereka. Menurut mereka lagi, warisan menggambarkan cara kehidupan masyarakat meneruskan kehidupan dan beradaptasi dengan situasi dan cabaran kehidupan. Menurut definisi bagi *The Burra Charter* (2013), warisan merujuk kepada keaslian, sejarah, saintifik, sosial, atau nilai spiritual terhadap generasi masa lalu, kini atau masa depan. Warisan juga terkandung dalam tempat itu sendiri, fabrik, ketetapan, masyarakat, makna, rekod, tempat berkaitan dan objek berkaitan (Burra Charter, 2013).

2.1.2 Jenis Warisan (Warisan Ketara)

Warisan terbahagi kepada dua iaitu warisan ketara dan warisan tidak ketara. Warisan ketara dimaksudkan dengan objek, bangunan, monumen atau artifak yang mempunyai nilai bagi individu atau kelompok masyarakat, boleh diubah atau tidak kedudukannya manakala warisan tidak ketara merujuk kepada amalan, perbuatan, ekspresi, pengetahuan dan kemahiran yang dikenali oleh sesuatu masyarakat. Definisi warisan ketara menurut Yuszaidy Mohd Yusoff (2011) warisan ketara boleh diterjemahkan sebagai objek yang boleh diturunkan kepada generasi akan datang dengan nilai tambah sendiri yang terdiri daripada

sungai, gunung, candi, masjid, bangunan, monumen, pekan, makam, pantai, manuskrip, karangan lama dan baru diberi penilaian yang tinggi oleh masyarakat, artifak sejarah dan permuziuman yang tergolong dalam warisan tampak iaitu kelompok kawasan, monumen dan bangunan. Dalam kajian Yuszaidy Mohd Yusoff (2015, 2018) yang lain, beliau menyatakan warisan ketara ialah sesuatu yang tetap dan tidak bergerak. Menurut beliau lagi, kerja-kerja yang dilakukan oleh manusia dalam ekonomi dan aktiviti sosial dalam usaha memenuhi keperluan seharian menghasilkan bangunan, monumen, mercu tanda dan artifak yang tetap dan boleh bergerak bergantung kepada bentuk saiz objek.

2.1.3 Seni Bina

Seni bina merupakan gaya bentuk yang mempunyai konsep tersendiri dan digunakan dalam pembinaan sesuatu bangunan, monumen dan sebagainya. Menurut Muhammad Tajuddin Rasdi (2008) seni bina boleh dianggap sebagai suatu bentuk budaya seni dan kraf yang halus serta teliti yang mempunyai reka bentuk dan corak tertentu berkisarkan kepada pembinaan bangunan-bangunan agung seperti masjid, istana rumah bangsawan serta makam diraja. Anisah Bahyah Ahmad dan Wan Kamal Mujani (2013) pula berpendapat bahawa seni bina tidak lahir dalam sesebuah bangunan dalam sesebuah masyarakat yang mendiaminya tetapi mempunyai fungsi yang begitu luas dalam konteks perlindungan daripada sebarang ancaman. Pandangan Barat mengenai definisi seni bina pula iaitu Nikolaus Pevsner di dalam bukunya *Outline of European Architecture*, beliau menyatakan bahawa istilah seni bina hanya diberikan kepada bangunan yang mempunyai status tinggi. Tetapi Amos Rapoport berpendapat bahawa istilah seni bina bukanlah sesempit pendapat Nikolaus Pevsner, Amos menyatakan bahawa seni bina ialah sesuatu binaan yang mengambil faktor sosio budaya bagi sesebuah masyarakat. Menurutnya lagi, seni bina bukan sekadar memberikan perlindungan kepada panas hujan bahkan

sebagai berfungsi melindungi penghuni daripada ancaman binatang dan makhluk halus. D Bredemeyer dan R Malan (2001) menyatakan terma “seni bina” digunakan dan difahami secara jelas mengenai struktur sistem dan membahagikan definisi seni bina kepada empat bahagian iaitu, seni bina sistem, perisian, teknikal dan perusahaan.

2.1.4 Pengaruh Seni Mogul

Mogul merupakan kerajaan Indo-Muslim yang diasaskan oleh Sultan Zahir Ud-din Muhammad Babur di kawasan selatan India. Menurut John F. Richard (1993) di dalam bukunya yang bertajuk *The Mughal Empire, Part 1, Volume 5*, menceritakan tentang sejarah tertubuhnya kerajaan Mogul di bawah pemerintahan Sultan Zahir Ud-din Muhammad Babur. Setelah kerajaan Mogul mencapai zaman kegemilangan, seni bina Mogul diterapkan dalam bangunan penting seperti istana, makam dan rumah mandi. Ebba Koch (2014) juga memberikan penjelasan mengenai seni bina Mogul, beliau menyatakan bahawa selepas fasa penyatuan gaya bentuk di bawah Akbar berkenaan transisi, refleksi dan eksperimentasi walaupun kepentingannya terhadap pembangunan masa depan seni bina Mogul. Dalam kajian, Khazaee. M (2015), seni bina masjid Mogul dan Safavid di India mempunyai pengaruh seni bina Timurid. Gaya rupa Mogul merupakan gaya Indo-Muslim yang paling universal bagi seni bina Islam di dunia menurutnya lagi. Dalam kajian beliau lagi disenaraikan antara masjid Mogul di India yang mempunyai pengaruh Timurid sebagai contoh Masjid Goharshad, Masjid Mir Chakhmaq dan Masjid Torbat Jam. Masjid di Malaysia yang menggunakan seni bina Mogul dalam seni binanya sebagai contoh Masjid Zahir di Kedah. Setelah Masjid Zahir siap dibina, konsep seni bina Mogul ini dijadikan contoh kepada masjid-masjid kecil di kawasan pedalaman sebagai contoh Masjid Ghairu Jamek, Masjid Ar-Rahmah, Masjid Rayatul Islam, Masjid Kampong

Jelutong dan Masjid Nurul Ehsan (Ahmad Sid Hijjaz Md Saaid dan Ahmad Sanusi Hassan, 2019)

2.1.5 Masjid Zahir

Masjid Zahir merupakan masjid yang dibina pada tahun 11 Mac 1912, masjid ini siap dibina pada tahun 1915. Idea asal Masjid Zahir merupakan sumber daripada Masjid Azizi daripada Kesultanan Melayu Langkat di Aceh, Indonesia (Zaini Dahlan & Hasan Asari, 2020). Masjid Zahir terletak di tengah-tengah bandar Alor Setar berdekatan dengan Jalan Kampung Perak dan Jalan Besar Darul Aman berhadapan dengan Medan Bandar (Shazryzee Mohamad Shukri, Omar Achar dan Naajid Naseeme, 2019). Masjid Zahir tidak dapat dinafikan mempunyai pengaruh seni bina Mogul dan Moorish. Walaupun bangunan ini tidak mempunyai konteks seni bina Melayu tetapi lebih kepada gaya yang diperkenalkan oleh British kepada Kesultanan Melayu Kedah, Meskipun begitu hasil seni bina, seni Islam dan gaya seni bina menunjukkan kekuatan bangunan ini sebagai bangunan ikonik dan tapak warisan (Yusof & Ibrahim, 2011). Kajian yang dilakukan oleh Ahmad Sid Hijjaz Md Saaid & Ahmad Sanusi Hassan (2019) menyatakan Masjid Zahir di Alor Setar dan kembarnya Masjid Azizi di Langkat menggunakan seni bina Moorish dan Mogul dalam unsur binaan bagi kedua-dua masjid yang menjadi simbol kepada Kesultanan Melayu Kedah dan Kesultanan Melayu Langkat.

2.1.6 Identiti Seni Melayu

Pada zaman awal kedatangan Islam ke Malaysia tidak menunjukkan ciri-ciri yang nyata seperti masjid-masjid yang berada di Timur Tengah seperti binaan bumbung berkubah dan kesenian corak pada dinding tetapi lebih kepada reka bentuk dengan ciri-ciri tempatan menggunakan kemahiran pertukangan serta penggunaan bahan binaan yang mudah didapati (S. Johar, A.G Ahmad, A.I Che-

Ani, N.M Tawil dan I.M.S Usiman, 2011). Seni bina Melayu merupakan seni bina yang digunakan dalam membangunkan bangunan penting seperti masjid, istana dan makam. Hal ini kerana identiti yang ditunjukkan dalam gaya seni bina Melayu jelas dengan penggunaan kayu sebagai bahan binaan, hasil ukiran kayu bertemakan tumbuh-tumbuhan, berbumbungkan bumbung yang berlapis dan ruang pengudaraan bagi bangunan tersebut kerana berada di iklim hutan hujan tropika. Pernyataan ini telah disokong dalam kajian M. Surat dan etc (2017), seni bina warisan terpengaruh dengan iklim setempat menyebabkan bangunan-bangunan ini mempunyai banyak bukaan seperti tingkap, pintu dan lubang atau kekisi angin. Kemudian, Basri. F (2002) menyatakan bentuk bumbung masjid tradisional terkenal dengan bentuk atap tumpang dari beberapa lapis bumbung yang dibina secara bersusun. Kemudian nyatanya lagi, seni hias yang bertemakan seni khat dan seni ukir berunsurkan tumbuh-tumbuhan yang diletakkan pada bahagian kepala pintu, tingkap, dinding, mimbar, pemedang serambi dan cucuran atap dan ukiran ini menggunakan sistem tebuk supaya dapat berfungsi sebagai alat pengudaraan.

2.2 Kajian Lepas Masjid

Masjid merupakan bangunan suci bagi umat Islam. Pembinaan masjid bermula dari zaman permulaan negara Islam iaitu Madinah yang dicituskan oleh Nabi Muhammad S.A.W sebagai tempat ibadat bagi umat Islam. Dalam artikel yang ditulis oleh Basri.F (2002), Nabi memulakan pembinaan masjid apabila peristiwa hijrah ke Madinah berlaku dengan pembinaan asas masjid menggunakan batu dan batang tamar bagi membentuk dewan solat sahaja, kemudian proses pembinaan masjid kedua berlaku di Madinah. Banyak telah kajian dibuat tentang seni bina masjid bagi merungkai kesenian dalam seni bina, gaya rupa dan reka bentuk bangunan Islam. Antara kajian yang dilakukan dalam penyelidikan tentang seni bina dan reka bentuk masjid ialah penyelidikan oleh Ahmad Sid Hijjaz Ahmad Saaid dan Ahmad Sanusi Hassan (2019) berkaitan seni bina Masjid Zahir menjadi contoh kepada lima masjid di kawasan pedalaman. Kajian ini berdasarkan ciri-ciri pengaruh seni bina Mogul yang digunakan pada Masjid Zahir. Selain itu, kajian oleh M. Surat dan etc (2011) berkenaan tanggapan salah terhadap kubah yang digunakan pada masjid. Menurut kajian ini, selepas kedatangan Islam ke Malaysia kubah tidak dijadikan faktor utama dalam pembinaan masjid. Masyarakat hanya menggunakan teknik pertukangan tempatan dalam menjadikan masjid. Kubah hanya digunakan dalam reka bentuk masjid sebagai gaya yang diperkenalkan oleh British (Yusof A.S & Ibrahim.M, 2011). Kemudian Basri. F (2002) dalam penyelidikannya tentang seni bina yang digunakan dalam masjid di Malaysia merungkai ciri-ciri seni bina dan reka bentuk masjid tradisional dan masjid kolonial. M. Surat dan etc (2011) menyokong pernyataan tersebut dengan menghuraikan ciri-ciri seni bina masjid tradisional iaitu mempunyai bumbung yang berlapis, ukiran yang berunsurkan tumbuh-tumbuhan dan mempunyai banyak ruang pengudaraan seperti pintu, tingkap dan bukaan atau kekisi angin.

2.2.1 Reka Bentuk Bumbung

Reka bentuk bumbung merupakan simbol kepada sesuatu bangunan dalam menentukan rekaan atau gaya seni bina yang digunakan pada masjid tersebut. Reka bentuk bumbung masjid di Malaysia mempunyai banyak gaya sebagai contoh gaya rupa tempatan dan gaya rupa kolonial. Menurut Basri. F (2002) masjid tradisional menggunakan bumbung yang mempunyai atap berlapis manakala masjid kolonial mempunyai kubah untuk menggantikan atap berlapis hasil pengaruh daripada Asia Tengah. M. Surat dan etc (2011) memberikan pendapat tentang reka bentuk kubah yang pada asalnya tidak digunakan setelah datangnya Islam ke Malaysia, masyarakat tempatan hanya mengekalkan hasil tangan pertukangan tempatan dalam pembinaan masjid. Binaan kubah pada masjid lebih kepada gaya yang diperkenalkan oleh British. Masjid Kampung Laut di Kelantan merupakan contoh kepada reka bentuk bumbung seni bina tempatan dengan tiga lapisan bumbung (S. Johar & etc, 2011).

2.2.2 Seni Hiasan

Seni hiasan adalah hisan yang digunakan dalam mencantikkan seni bina masjid tersebut. Seni hias pada masjid tradisional mempunyai seni ukiran kayu bermotifkan tumbuh-tumbuhan pada kepala pintu, tingkap, mimbar dan cucuran pada bumbung. Motif bagi seni hias masjid tradisional mempunyai beberapa jeni pola iaitu pola bujang iaitu ukiran berunsurkan bunga, pola bingkai yang menggunakan unsur sederhana dan pola kompleks yang menekankan unsur tumbuh-tumbuhan yang lengkap dari batang sehingga ke daun (Basri. F, 2002). Masjid kolonial pula menggunakan mozaik sebagai seni hias pada bahagian mihrab, dinding masjid dan bahagian dalam kubah (Khazae. M, 2015) sebagai contoh Masjid Zahir di Kedah menggunakan seni khat pada mihrab dan seni khat

pada konkrit bahagian dalam kubah membolehkan pengunjung menghayati seni hias yang dipamerkan (Ahmad Sid Hijjaz & Ahmad Sanusi Hassan, 2019).

2.2.3 Menara

Pada awal masjid dibina, menara tidak wujud lagi. Bilal hany melaungkan daripada tempat yang tinggi atau rumah yang tinggi berdekatan dengan masjid (Basri. F, 2002). Kemudian apabila Islam tersebar ke Rom barulah idea tentang menara diperkenalkan. Masjid-masjid tradisional juga mengalami perubahan dalam seni bina menara masjid. Pengaruh luar seperti Cina dan India digunakan pada menara masjid (Basri. F, 2002).

2.2.4 Ruang Solat

Ruang solat atau dewan solat merupakan bahagian yang penting dalam seni bina sesebuah masjid. Bentuknya yang segi empat dan menghadap ke kiblat dapat diketahui melalui mimbar dan mihrab. Ruang solat bagi masjid tradisional terletak di bawah bumbung lapis teratas, sementara mimbar terletak di bawah bumbung lapis kedua dan mihrab terletak di bawah lapis bumbung terbawah (Basri. F, 2002). Kedudukan ruang solat bagi masjid tradisional pula terletak di bawah kubah membolehkan pengunjung melihat seni khat yang terdapat pada bahagian dalam kubah (Ahmad Sid Hijjaz Md Saaid & Ahmad Sanusi Hassan, 2019). Sebahagian kubah masjid kolonial menggunakan dua kubah yang dilapiskan iaitu kubah dua lapis Parsi (Khaae, 2015).


2.2.5 Mihrab

Mihrab merupakan perlambangan kepada arah kiblat di dalam dewan solat. Mihrab digunakan oleh imam dalam ritual solat berjemaah. Mihrab tidak boleh didapati di dalam seni bina masjid tradisional. Mihrab merupakan hasil seni bina dari Asia Tengah. Mihrab berbentuk lengkung seakan-akan bentuk U terbalik.

Ketika mihrab pertama dibina pada zaman Khalifah Al-Walid, mozaik, *marble* dan arabesque digunakan dalam pembinaan mihrab (Basri. F, 2002).



UNIVERSITI



MALAYSIA



KELANTAN

2.3 Asal-Usul Pembinaan Masjid Zahir

Masjid Zahir merupakan bangunan yang penting dalam Kesultanan Melayu Kedah sehingga hari ini. Masjid Zahir terletak di tengah-tengah bandaraya Alor Setar berdekatan dengan Jalan Kampung Perak dan dan Jalan Besar Darul Aman berhadapan dengan Medan Besar (Shazyree Mohd Shukri & & etc, 2019). Melalui akhbar atas talian MalaysiaKini (2015), Masjid Zahir atau nama lainnya Masjid Zahrah, Imam Masjid Zahir, Ustaz Mohd Isa Abd Rahman menceritakan masjid ini dibina pada tanggal 11 Mac 1912 cetusan idea daripada YTM Tunku Mahmud Sultan Ahmad Tajuddin Mukarram Shah dan dirasmikan oleh Sultan Abdul Halim Muadzam Shah pada tahun 1915. Dalam akhbar lain *New Straits Time* (2014), lima kubah Masjid Zahir yang melambangkan lima rukun Islam. Keluasan masjid sebesar 11,588 kaki persegi. Akhbar ini menyatakan gaya seni bina yang dipersembahkan dalam Masjid Zahir merupakan gaya Melayu-Islam. Ahmad Sid Hijjaz dan Ahmad Sanusi Hassan (2019) menyatakan dalam kajian mereka tentang gaya yang digunakan dalam Masjid Zahir ialah seni bina Moorish dan Mughal. Mereka juga menyatakan bahawa Masjid Zahir mempunyai kembarnya iaitu Masjid Azizi yang berada di Langkat dibina 10 tahun pembinaan Masjid Zahir.

UNIVERSITI
MALAYSIA
KELANTAN

2.4 Penggunaan Pengaruh Seni Bina Mogul

Seni bina Mogul banyak digunakan dalam bangunan di Malaysia setelah diperkenalkan oleh British dalam usaha mengambil hati pemerintah ketika itu. Kajian yang dijalankan oleh Ahmad Sid Hijjaz dan Ahmad Sanusi Hassan (2019) menerangkan tentang lima masjid pedalaman yang menggunakan seni bina Masjid Zahir sebagai contoh. Tetapi seni bina yang digunakan pada Masjid Zahir merupakan seni bina Mogul dan Moorish. Antara ciri-ciri seni bina dan gaya rupa Mogul iaitu kubah, mihrab dan penggunaan mozaik sebagai seni hiasan. Dalam penulisan mereka menyenaraikan lima masjid pedalaman di Kedah yang menggunakan seni bina Mogul sebagai contoh Masjid Rayatul Islam, Masjid Gharu Jamek, Masjid Kampung Jelutong, Masjid Nurul Ehsan dan Masjid Ar-Rahmah dan merungkaikan ciri-ciri seni bina Mogul yang terdapat pada bahagian-bahagian masjid-masjid itu. Kemudian dalam penulisan Ebba Koch (1991), penggunaan seni bina Mogul dalam bangunan terkenal seperti Taj Mahal menunjukkan hasil daripada pembentukkan seni bina tersebut dari kerajaan Jahangir 1605-1627 sehingga kini dan masih dapat dilihat keindahannya.

2.5 Kerangka Teori

Kerangka teori ialah struktur yang menyokong atau menjadi tunjang dalam kajian dalam penyelidikan yang dijalankan. Kerangka teori berfungsi sebagai penerangan dan pencerahan tentang permasalahan kajian yang dikaji sebenarnya wujud. Banyak cendekiawan telah mendefinisikan apa yang dimaksudkan 'Kerangka Teori'. Teori adalah pendapat, cara dan aturan dalam melakukan sesuatu. Teori memiliki fungsi sebagai suatu ikhtisar fakta dan hukum yang jelas dan ilmiah. Untuk mendapatkan pengertian dan mengorganisasikan pengalaman merupakan peranan teori. Adapun tujuan teori untuk mendapatkan pemahaman tentang sesuatu (Hari Wahyono, 2005).

“Teori ialah cara penafsiran terhadap kemampuan (generalisasi) cara penilaiannya, dan penyatuannya ; kemampuan itu dihasilkan melalui penelitian”

(Mclaugin, 1988)

2.5.1 Pendekatan Estetika Seni

Pendekatan yang akan digunakan dalam kajian ialah pendekatan estetika seni kerana perkaitan seni bina dan nilai estetika pada Masjid Zahir. Nilai estetika seni merupakan ukuran ketinggian dan rendahnya darjat dan dapat dikaji diperhatikan, dilihat serta dihayati dalam pelbagai objek yang zahir.

Melalui perspektif Islam, estetika sangat penting kerana Islam itu sendiri merupakan sesuatu yang indah. Justeru itu, setiap bangunan-bangunan yang telah dibina pada zaman Khulafa' dipenuhi dengan nilai estetika yang bertauhidkan Allah Taala. Dalam penulisan Ibnu Khaldun (1392) iaitu *Al-Muqaddimah* menegaskan bahawa kedudukan rohani bagi setiap bangsa terletak pada bangunan yang didirikan. Hal ini bersesuaian dengan nilai estetika

yang terdapat pada Masjid Zahir yang merupakan simbol Islam kepada kerajaan negeri Kedah dan menjadi lambang kepada Kesultanan Kedah.

“Mengikut tradisi lama secara buta tidak bermaksud yang mati itu hidup bahkan menunjukkan si hidup itu yang mati.”

(Ibnu Khaldun, 1392)

Melalui pandangan Barat, estetika mempunyai tiga konsep iaitu, integriti atau kesempurnaan, kekadaran atau keharmonian dan pencerahan atau kejelasan menurut kajian Jesica Rosadi (2013) berkenaan kajian yang dilakukan oleh Thomas Aquinas (1948). Melalui kajian ini, pengkaji merasakan pendekatan estetika merupakan pendekatan yang terbaik dalam penyelidikan berkenaan pengaruh seni Mogul pada Masjid Zahir terhadap identiti seni Melayu. Pendekatan ini juga bagi melihat nilai estetika yang terdapat dalam seni Mogul pada Masjid Zahir dan tidak boleh dilupakan keunikan estetika pada seni Melayu.

“Seni merupakan kaedah yang betul dalam melakukan sesuatu, seorang seniman tidak perlu diuji bagaimana dia bekerja tetapi seberapa cemerlang karyanya.”

(Thomas Aquinas, 1948)

2.6 Penutup

Secara tuntasnya, bab ini merumuskan tentang kajian yang telah dilakukan dalam penyelidikan lepas yang berkaitan dengan kajian yang akan dilakukan dalam penyelidikan ini. Bab ini juga telah menjelaskan istilah-istilah yang boleh difahami oleh pembaca agar tidak menjadi salah faham disebabkan setiap individu mempunyai pemikiran dan pandangan yang berbeza. Oleh itu setiap pernyataan yang dinyatakan di dalam sorotan kajian ini disertakan rujukan agar penyelidikan ini tidak dianggap sebagai penyelidikan kosong atau plagiarisme.

BAB 3

METODOLOGI KAJIAN

3.0 Pengenalan

Bab ini akan menerangkan secara terperinci tentang metodologi atau kaedah yang digunakan di dalam kajian yang dijalankan. Melalui bab ini juga terdapat beberapa aspek penting yang perlu dititikberatkan bagi melengkapkan kajian. Antara aspek penting dalam kajian ini ialah reka bentuk kajian yang digunakan semasa kajian dijalankan.

3.1 Reka Bentuk Kajian

Reka bentuk kajian menerangkan tentang kaedah yang digunakan semasa kajian dijalankan. Terdapat tiga kaedah yang boleh digunakan dalam sesuatu penyelidikan tetapi hanya kaedah-kaedah tertentu digunakan mengikut kesesuaian dengan skop penyelidikan.

3.1.1 Kaedah Kualitatif

Kaedah kualitatif yang terdapat di dalam reka bentuk kajian berbentuk cerita-cerita yang diceritakan oleh individu yang berpengetahuan tentang sesuatu bidang tertentu, kajian kes yang berkaitan, seterusnya kajian yang dijalankan berkaitan dengan kajian individu tersebut. Azizah Hamzah (2010), menyatakan kaedah kualitatif tidak tertumpu kepada maklumat yang banyak tetapi berusaha memperoleh maklumat yang berkualiti walaupun sampel yang kecil.

3.1.2 Kaedah Kuantitatif

Kaedah kuantitatif merupakan salah satu daripada kaedah dalam reka bentuk kajian. Antara instrumen yang digunakan dalam kaedah ini ialah temu bual, soal selidik, kerangka, dan sebagainya. Kaedah temubual ialah menemu bual beberapa individu yang berpengetahuan dalam penyelidikan yang dikaji sebagai maklumat dan data. Kaedah soal selidik pula merupakan satu cara dalam mengumpul data atau maklumat melalui soal jawab bersama responden berkenaan kajian bagi menjawab persoalan yang timbul dalam penyelidikan tersebut.

3.1.3 Kaedah Campuran

Kaedah campuran merupakan gabungan kedua-dua kaedah kualitatif dan kuantitatif dalam kajian yang dilakukan. Kedua-dua kaedah ini digunakan dalam mendapatkan data berkenaan kajian dengan mementingkan kualiti dan kuantiti sesuatu maklumat. Kaedah kualitatif digunakan ketika temubual bersama informan dan kaedah kuantitatif digunakan ketika soal selidik bersama responden mengenai tajuk penyelidikan yang dijalankan.

3.1.3 Pemilihan Reka Bentuk Kajian

Reka bentuk kajian yang dijalankan lebih tertumpu cara bagaimana untuk mendapatkan jawapan kepada persoalan-persoalan yang ditimbulkan. Kaedah yang digunakan ialah kaedah kualitatif sebagai kaedah utama iaitu kaedah temu bual. Selain itu, bahan rujukan juga merupakan aspek yang penting dalam kajian kerana melalui bahan rujukan yang diperolehi boleh dijadikan sebagai data atau maklumat yang sahih. Kaedah tersebut digunakan kerana merupakan aspek yang penting berbanding dengan kaedah yang lain supaya maklumat ini tidak akan diragui kesahihanya.

3.2 PENGUMPULAN DATA

Setiap penyelidikan, terdapat pelbagai cara digunakan untuk mendapatkan maklumat mengenai penyelidikan yang akan digunakan. Kaedah ini akan membantu memberi maklumat mengenai kajian yang akan dilakukan. Sebelum kajian dilakukan, cara memperoleh data dan maklumat perlu dikenalpasti untuk menghasilkan sesuatu kajian. Cara yang digunakan bagi mendapatkan maklumat perlu menjawab persoalan yang telah ditimbulkan dengan mengkaji semula kajian lepas yang berkaitan dengan penyelidikan yang dijalankan dengan tujuan mendapatkan maklumat yang boleh digunakan dalam penyelidikan tersebut.

3.2.1 Data Primer

Data primer dikumpulkan dengan tujuan untuk mendapatkan maklumat yang khusus berkenaan penyelidikan yang dijalankan dan tiada kajian lepas yang pernah dibuat berkenaan kajian.

i) Pemerhatian

Kaedah pemerhatian juga digunakan bagi mendapatkan maklumat berkaitan penyelidikan. Pemerhatian digunakan untuk mengukuhkan lagi data dan maklumat yang telah diperolehi untuk digunakan dalam penyelidikan.

ii) Kajian Lapangan

Kaedah kajian lapangan merupakan kaedah di mana pengkaji pergi ke kawasan kajian bagi melihat sendiri atau menjalankan penggambaran subjek. Kajian lapangan mampu menguatkan lagi data atau maklumat yang diperolehi berkaitan tajuk penyelidikan yang dijalankan.

iii) **Temubual**

Data primer merupakan data yang diperolehi dengan cara mendapatkan maklumat daripada kawasan lapangan seperti menemubual responden di kawasan tersebut bagi mendapatkan maklumat yang diperlukan.

3.2.2 Data Sekunder

Data sekunder merupakan data yang sudah wujud disebabkan kajian atau penulisan telah dibuat berkaitan kajian yang dijalankan. Dalam melengkapkan kajian, terdapat beberapa sumber untuk mengumpulkan maklumat dan data berkaitan kajian.

i) **Artikel/Jurnal**

Melalui artikel/jurnal, terdapat beberapa isu berkaitan tajuk kajian yang dijalankan bagi menambah maklumat dan secara tidak langsung menguatkan maklumat yang akan digunakan bagi menghasilkan kajian ini.


ii) **Internet**

Melalui internet, pelbagai maklumat dapat dikumpulkan dengan mudah seperti buku-buku yang berkaitan dengan tajuk penyelidikan. Hal ini akan memberikan maklumat tambahan yang diperlukan dalam kajian. Dengan internet, buku, jurnal atau artikel yang berkaitan tajuk kajian mudah diperoleh jika buku-buku yang diperlukan tiada di perpustakaan.

iii) **Bahan Ilmiah/Akhbar**

Bahan ilmiah/akhbar merupakan maklumat yang diperlukan bagi sesuatu kajian sebagai maklumat tambahan dan dapat menguatkan sedikit sebanyak berkenaan penerangan terhadap penyelidikan.

3.2.3 Proses Kajian



Jadual 3.2: Proses Kajian

Sumber: Ahmad Nabil, 2021

3.3 PERSAMPELAN

Persampelan merupakan kaedah kualitatif yang tertumpu kepada kumpulan seperti temubual terhadap agensi yang terlibat dalam bidang berkenaan bagi melancarkan penyelidikan dijalankan. Terdapat beberapa pembahagian kumpulan dalam persampelan penyelidikan ini iaitu umum yang terdiri daripada masyarakat Kedah, peringkat umur, perbezaan jantina dan sebagainya. Segala data dan maklumat yang diperolehi akan dicatatkan supaya kaedah analisis data dapat dijalankan dengan mudah. Kemudian kaedah persampelan yang kedua terbagi kepada beberapa kumpulan seperti:

3.3.1 Organisasi Masjid Zahir

Temubual akan dijalankan kepada organisasi Masjid Zahir bagi kesan pengaruh seni Mogul pada Masjid Zahir terhadap identiti seni Melayu dan kesedaran masyarakat kedah tentang seni bina Mogul yang terdapat pada Masjid Zahir.

3.3.2 Jemaah Masjid Zahir

Jemaah Masjid Zahir juga akan ditemu bual bagi mengetahui kesedaran masyarakat Kedah terhadap pengaruh seni bina asing yang digunakan pada Masjid Zahir dan kesan seni ini terhadap identiti seni Melayu.

3.4 INSTRUMEN

Dalam kajian ini terdapat beberapa instrumen bagi mendapatkan data maklumat mengenai kajian yang dilakukan. Intrumen yang digunakan adalah seperti:

3.4.1 Temubual

Kaedah temubual merupakan kaedah yang digunakan dalam kajian ini. Kaedah temubual ialah salah satu cara daripada kaedah bagi mengetahui kesan pengaruh seni Mogul pada seni bina Masjid Zahir terhadap identiti seni Melayu yang merupakan tajuk bagi kajian yang dijalankan. Dalam kaedah terdapat beberapa kaedah untuk mendapatkan maklumat seperti merakam video, *voice recording* dan pengambilan gambar menggunakan kamera bertujuan dijadikan sumber maklumat yang sahih dan boleh digunakan dalam menjalankan kajian yang dijalankan ini.

i) **Fotografi**

Fotografi digunakan bagi mengumpul data-data bergambar berkenaan subjek kajian ketika di kawasan kajian.

ii) ***Voice Record***

Voice record digunakan ketika temubual dijalankan bersama informan bagi mengumpulkan data-data berkenaan kajian. Hal ini penting kerana *voice record* dapat dijadikan rujukan semula selepas temubual berakhir.

iii) **Video**

Video berfungsi sebagai salah satu maklumat tambahan tentang subjek berkaitan kajian. Video dirakam ketika temubual dijalankan bersama informan.

3.5 ANALISIS DATA

Analisis data yang akan dilakukan ialah diskriptif iaitu setelah segala maklumat telah diperolehi dalam kajian yang dilakukan melalui kaedah kualitatif. Bagi kaedah kualitatif iaitu kaedah temubual dijalankan terhadap golongan umum sebanyak 5 informan yang didasarkan masyarakat Kedah, umur pekerjaan, kemudian tinjauan kumpulan sebanyak 2 informan daripada organisasi masjid dan jemaah Masjid Zahir bagi mendapatkan maklumat dalam kajian yang dijalankan.

Selain itu, ketika mendapatkan data dan maklumat berkenaan kajian terdapat beberapa perkara yang dirasakan penting dalam kajian ini. Antaranya melakukan penyelidikan terhadap kajian-kajian lepas berkenaan tajuk kajian. Kemudian kaedah seperti mendapatkan maklumat tambahan daripada internet dan laman web turut digunakan. Di samping itu, tidak ketinggalan bahan ilmiah atau akhbar yang boleh digunakan bagi mendapatkan maklumat berkenaan kajian.

Setelah data dan maklumat sudah diperolehi, proses seterusnya ialah mencampurkan dan menyusun semula maklumat agar berada dalam kategori yang bersesuaian. Langkah ini bertujuan untuk menampakkan segala maklumat yang diperolehi tersusun kemas mengikut topik yang bersesuaian.

3.6 KESIMPULAN

Keseluruhan bab 3 menumpukan proses metodologi yang dijalankan digunakan bagi menjalankan penyelidikan ini. Dalam menjalankan kajian ini, kaedah kualitatif digunakan. Instrumen yang digunakan bagi mendapatkan maklumat berkenaan pengaruh seni Mogul pada seni bina Masjid Zahir ialah tembual bagi mendapatkan maklumat daripada pihak yang berpengetahuan mengenainya. Dengan adanya metodologi kajian ini akan dijalankan secara sistematik.

BAB 4

DAPATAN KAJIAN

4.0 Pengenalan

Bab ini akan membincangkan hasil dapatan kajian yang telah dilakukan bagi mendapatkan data dan maklumat berkenaan objektif kajian yang telah dinyatakan, iaitu mengenalpasti kesan pengaruh seni bina Mogul terhadap identiti seni bina Melayu dan kepentingannya terhadap bangunan tersebut serta mengkaji kesedaran masyarakat Kedah tentang pengaruh seni bina Mogul yang terdapat pada Masjid Zahir. Kajian ini dilakukan menggunakan kaedah kualitatif. Data dan maklumat diperolehi melalui pemerhatian, kajian lapangan dan temubual bersama informan. Kaedah analisa dokumen lepas juga digunakan bagi mendapatkan maklumat tambahan berkenaan Masjid Zahir. Masjid Zahir merupakan masjid yang tertua di Kedah dengan usia lebih daripada 100 tahun. Masjid itu mula dibina pada tahun 1912 Masihi dan siap dibina pada tahun 1915 Masihi dengan hasil usaha YTM Al Marhum Tunku Mahmud ibni Al Marhum Sultan Tajuddin Mukarram Syah. Pada awalnya tapak Masjid Zahir merupakan tapak bagi Masjid Lama yang dibina di atas pusara pejuang yang syahid ketika Siam menyerang Kedah. Berikut merupakan informan yang telah ditemu bual:

4.1 Analisis Demografi Responden

Bahagian ini menyatakan temu bual yang telah dijalankan oleh pengkaji terhadap tujuh informan berkenaan tajuk kajian. Bagi mendapatkan data kajian, pengkaji menemu bual informan melalui dua kaedah iaitu secara maya dan bersemuka. Informan dibahagikan kepada dua kumpulan iaitu kumpulan pertama bagi menjawab objektif kajian pertama dan kumpulan kedua dalam menjawab objektif kedua. Informan ditemu bual dengan tujuh soalan berkaitan objektif kajian. Fokus soalan ialah kesan pengaruh Mogul terhadap seni bina tradisional Melayu dan kesedaran masyarakat Kedah tentang pengaruh seni bina Mogul pada Masjid Zahir. Bagi demografi responden, pengkaji mengumpulkan maklumat nama, umur, taraf pendidikan, pekerjaan, asal. Pemilihan informan dipilih berdasarkan penduduk yang berada di sekeliling Masjid Zahir kerana mereka telah lama bermastautin di sekitar kawasan masjid tersebut. Kedua, arkitek atau golongan yang mempunyai latar belakang seni bina kerana mempunyai pengetahuan tentang seni bina Masjid Zahir. Ketiga, jemaah yang selalu hadir ke masjid bagi menunaikan solat kerana mereka sudah terbiasa dengan gaya rupa Masjid Zahir.

Jadual 4.1: Demografi Informan

Nama	Umur	Taraf Pendidikan	Pekerjaan	Asal
Informan 1	48	Sijil Rendah Pelajaran	Penghulu Hal Ehwal Masjid Zahir	Kedah
Informan 2	25	Ijazah Sarjana Muda Seni Bina	Pelajar Senibina	Kedah
Informan 3	23	Ijazah Sarjana Muda Seni Bina	Pelajar Senibina	Kedah
Informan 5	49	Ijazah Pendidikan	Guru	Kedah
Informan 6	25	Ijazah Sarjana Muda Sains Sukan	Pelajar	Kedah
Informan 7	61	Tamat Darjah 6 Sekolah Melayu	Bekas Askar	Kedah

4.2 Kesan Pengaruh Seni Bina Mogul Terhadap Seni Bina Tradisional Melayu

Seni bina tradisional Melayu umumnya diperbuat keseluruhannya daripada kayu, bumbung bertingkat, bumbung berpiramid dan corak ukiran kayu yang bermotifkan flora. Pengaruh seni bina pada Masjid Zahir dipengaruhi bukan sahaja seni bina Mogul bahkan Moorish, Cina, Eropah dan Seni Tradisional Melayu. Antara kesan pengaruh seni bina Mogul terhadap seni bina tradisional ialah, kesan daripada terhadap nilai estetika, emosi dan kreativiti.

4.2.1 Kesan dari Nilai Estetika

Kesan seni bina Mogul ini terhadap seni tradisional dimasukkan bertujuan mencantikkan masjid tersebut dan bukan untuk menghapuskan seni tradisional. Elemen seni bina Mogul digabungkan dengan elemen tradisional bagi mencantikkan seni bina Masjid Zahir menurut informan. Menurut informan hasil seni bina Mogul yang diterapkan dalam Masjid Zahir telah diberikan pengiktirafan oleh Jabatan Warisan Negara. Berikut petikan daripada perbualan bersama beberapa informan:

“Pengaruh luaq(luar) yang ada dekat Masjid Zahir ni bukannya nak bagi kesan buruk, dia nak bagi cantik ja. Masjid Zahir ni duduk dekat tempat ke 4 antara masjid tercantik dekat dunia. Kiranya pengaruh luaq yang ada dekat masjid ni ada macam pengaruh India, Mesiq, Cina, dengan tradisional pon ada. Taun(tahun) lepas, pelawat dari China mai seramai 4000 orang nak tengok kecantikkan masjid ni..... Masjid ni jugak dah dapat iktiraf daripada Jabatan Warisan Negara. Depa mai(datang) sanitize Masjid Zahir jaa, masjid lain depa tak semboq(sembur).”

Informan 1


Tiang merupakan unsur yang penting kepada Masjid Zahir kerana menjadi salah satu daripada keunikan kepada seni bina Mogul yang dimasukkan ke dalam masjid tersebut. Terdapat tiga jenis tiang yang dimasukkan dalam Masjid Zahir, tiang kembar dua (Rajah 4.1), tiang tiada kembar (Rajah 4.2) dan tiang kembar empat (Rajah 4.3).



Rajah 4.1: Tiang Kembar Dua

Fotografi, Ahmad Nabil, 2021

UNIVERSITI
MALAYSIA
KELANTAN



Rajah 4.2: Tiang Tiada Kembar
Fotografi, Ahmad Nabil, 2021



Rajah 4.3: Tiang Kembar Empat
Fotografi, Ahmad Nabil, 2021

Namun begitu, seni bina asing yang terdapat pada Masjid Zahir masih belum membuka mata masyarakat sekeliling. Hal ini kerana masih terdapat beberapa golongan yang tidak mengenali pengaruh seni bina Mogul pada bangunan tersebut. dan melihat pandangan bawah kubah Penggunaan kubah konkrit yang menampakkan ukiran pada bahagian dalam kubah. (Rajah 4.4). Berikut petikan daripada temu bual bersama informan secara bersemuka:

...Tu yang saya selalu mai semayang dekat Masjid Zahir ni.....Saya rasa la kan, yang paling lawa bila view (pandangan) tu kita masuk masjid lepas tu tengok kubah masjid dari bawah, memang tenang ja tengok.”

Informan 4



Rajah 4.4: Pandangan bawah Kubah Masjid Zahir

Fotografi, Ahmad Nabil, 2021

Akhir sekali, ukiran khat pada mihrab (Rajah 4.5) bagi mencantikkan seni bina dalaman Masjid Zahir. Dalam masa yang sama, mereka masih menghargai keunikan dan kecantikan yang terdapat pada Masjid Zahir apabila masuk ke ruangan dalaman masjid.



Rajah 4.5: Ukiran pada Mihrab Masjid Zahir

Fotografi, Ahmad Nabil, 2021

4.2.2 Kesan dari Sejarah

Pada awalnya Masjid Lama merupakan masjid terawal dibina di kawasan Masjid Zahir yang sekarang. Seni bina Masjid Lama mempunyai persamaan dengan Masjid Kampung Laut dan masjid tradisional yang lain. Masjid Zahir mula dibina pada 1912 dan siap dibina pada 1915 (Portal Rasmi Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Kedah Darul Aman, 2021). Pada awal pembinaan Masjid Zahir masyarakat Kedah membantah pembinaan tersebut kerana jurutera yang terlibat pada ketika itu merupakan orang British iaitu James Gorman. Golongan tua pada ketika itu kurang menerima terhadap masjid baru yang akan dibina oleh penjajah dan pemindahan Masjid Lama ke Alor Merah. Setelah Masjid Zahir siap dibina, masyarakat Kedah mula menerima seni bina yang terdapat pada masjid tersebut. Berikut petikan daripada temu bual bersama informan berkenaan Masjid Lama yang dipindahkan ke Alor Merah :

...Lepas tu Masjid Lama yang dok sedia ada tu depa(mereka) pi(pergi) ubah pi Aloq Merah. Sultan Mad Jiwa pulak berkenan dengan idea Tunku Mahmud. Satunya boleh la nak buat tempat bertabal raja. Depa macam geram la dah pi pindah Masjid Lama kat situ."

Informan 7

Hasil daripada pemindahan Masjid Lama ke Alor Merah, tidak ramai generasi yang tahu berkenaan seni bina tradisional yang pernah digunakan dalam binaan di Kedah. Kini Masjid Lama telah diubahsuai secara keseluruhan oleh kerana bahan yang digunakan iaitu kayu mengalami kerosakan. Masjid Lama kini dikenali sebagai Masjid Ar-Rahman (Rajah 4.6) yang terletak di tepi Jalan Anak Bukit membelakangi

Sungai Kedah (Rajah 4.7). Berikut merupakan temu bual secara atas talian bersama informan 8 berkenaan kedudukan Masjid Lama ketika dipindahkan:


... Sungai Kedah dulu besaq (besar), jadi Masjid Lama tu mungkin la depa (mereka) pindah ikut sungai sebab dulu mana ada jalan macam la ni (sekarang). Masjid Lama tu mungkin kiranya Masjid Ar-Rahman yang la ni...

Informan 8



Rajah 4.6: Masjid Lama kini dikenali sebagai Masjid Ar-Rahmah

Sumber: Google Maps, 2021



Rajah 4.7: Kedudukan Masjid Lama Dipindahkan

Sumber: Google Maps, 2021

Namun begitu, sekarang ramai golongan yang teruja dengan pembinaan Masjid Zahir menggunakan pengaruh seni bina Mogul. Hal ini kerana dengan terbinanya Masjid Zahir menunjukkan Kedah mempunyai bangunan penting yang mempunyai seni bina luar. Perkara ini membolehkan Masjid Zahir menjadi sejarah kebanggaan bagi negeri Kedah. Berikut petikan daripada temu bual bersama beberapa informan secara bersemuka:

“.....Taun(tahun) lepas 4000 orang pelawat dari China mai(datang) nak tengok kecantikan Masjid Zahir ni. Bangga la sebagai orang Kedah sebab orang mai nak tengok masjid kita....”

Informan 1

“..... bangga dengan Masjid Zahir ni sebab satu, lepas ni tak payah dah nak pi luaq negara semata nak ambek(ambil) gambaq(gambar) dengan bangunan sana. Sini pon ada dah, boleh mai ambek gambaq dekat sini ja. Lagi satu pelancong ramai jugak dok mai sini ambek gambaq apa semua, memang bangga la dengan Masjid Zahir....”

Informan 4


4.2.3 Kesan dari Nilai Kreativiti

Kesan daripada pengaruh Mogul terhadap seni bina tradisional Melayu juga memberi kesan yang buruk. Hal ini kerana dengan perkembangan teknologi yang semakin moden menyebabkan hasil tangan seni bina tradisional akan dilupakan atau semakin hilang. Semakin moden masyarakat, semakin hilang seni bina tradisional Melayu. Berikut petikan dari informan melalui temu bual atas talian:


“Pada pendapat saya, pengaruh Mogul yang ada pada Masjid Zahir akan menyebabkan seni bina tradisional Melayu semakin hilang walau serba sedikit sebabnya masyarakat sekarang dah banyak yang guna seni bina moden untuk buat rumah, bangunan kerajaan lagi-lagi la masjid. Kesan seni bina Mogul terhadap seni bina Melayu adalah akan terjadinya kurang kepakaran terhadap pembuatan ukiran kayu yang diterapkan di dalam seni bina Melayu dan akan menyebabkan rumah tradisional pupus.”

Informan 2

Kawasan ruang solat tambahan merupakan kreativiti yang kita boleh lihat dari seni bina Mogul yang diterapkan pada Masjid Zahir. Pada awalnya Masjid Zahir tidak mempunyai ruang solat tambahan (Rajah 4.9) tetapi oleh kerana pertambahan jemaah pada setiap tahun, terakhir kali Masjid Zahir diubahsuai (Rajah 4.8) ialah pada tahun 2014 iaitu penambahan dan mencantikkan ruang solat, ruang legar, tandas dan pejabat (petikan daripada News Straits Time, 2014) Oleh kerana itu, Masjid Zahir diubahsuai menggunakan seni bina Mogul juga. Hanya kawasan tertentu dimasukkan seni bina tradisional.




Rajah 4.8: Pelan menunjukkan ruang solat tambahan dan ruang utama solat
Kajian Lapangan, 2021



Rajah 4.9: Kawasan Tambahan Ruang Solat
Sumber: Fotografi Ahmad Nabil, 2021

Hal ini menunjukkan kekurangan nilai hasil tangan yang mampu membuat bangunan menggunakan seni bina tradisional. Hanya bahagian tertentu sahaja yang masih mengekalkan seni tradisional Melayu seperti bumbung berpiramid (Rajah 4.11), seni ukiran (Rajah 4.10), penggunaan kayu dalam bangunan (Rajah 4.12). Dalam bahagian ruang solat tambahan juga dimasukkan sedikit unsur seni bina tradisional Melayu.




Rajah 4.10: Seni ukiran Melayu pada Mimbar

Fotografi, Ahmad Nabil, 2021


MALAYSIA

KELANTAN



Rajah 4.11: Bumbung berpiramid pada Masjid Zahir

Sumber: Google Images, 2021



Rajah 4.12: Penggunaan kayu pada pintu Masjid Zahir merupakan ciri-ciri yang terdapat pada seni bina tradisional.

Fotografi, Ahmad Nabil, 2021

4.2.4 Kesan dari Material

Masjid Zahir dibina menggunakan teknologi baru pada masa tersebut dan keseluruhannya menggunakan material konkrit. Hal ini akan memudahkan proses penyelenggaraan masjid tersebut. Berbanding dengan seni bina tradisional yang memerlukan penyelenggaraan semasa dan kos yang tinggi. Kayu kini bukanlah material yang murah dan mudah didapati. Oleh itu, pembinaan Masjid Zahir dengan seni bina Mogul memberi impak terhadap seni bina tradisional Melayu. Berikut merupakan petikan temu bual bersama responden secara bersemuka:

“Bagusla sebab Masjid Zahir ni ada seni bina lain. Kalau dak susah nak jaga maintenance (penyelenggaraan) masjid bila buat dengan kayu. Kayu la bukan murah macam dulu. Kalau nak buat pon dah susah, dengan maintenace lagi, kos lagi. Tu yang payah sikit bila buat guna seni bina tradisional ni.”

Informan 4

4.3 KESEDARAN MASYARAKAT KEDAH TERHADAP SENI BINA MOGUL PADA MASJID ZAHIR

Kesedaran masyarakat Kedah terhadap seni bina Mogul masih lagi rendah tetapi mereka masih berbangga dengan kesenian yang terdapat pada Masjid Zahir. Kebanyakan jemaah yang datang mahupun pelawat dari luar akan terpegun dengan keindahan seni bina yang terdapat pada Masjid Zahir.

4.3.1 Kesedaran Terhadap Reka Bentuk Kubah

Kebanyakan masyarakat Kedah akan perasan akan reka bentuk kubah tetapi tidak tahu seni bina yang digunakan dalam membentuk kubah Masjid Zahir. Umumnya kubah dikenali sebagai salah satu elemen dalam sebuah masjid. Hal ini menyebabkan masih ramai yang tidak mengetahui penggunaan kubah dalam seni bina dan asal seni bina bagi kubah. Berikut merupakan temu bual bersama informan:

“persamaannya adalah sedikit kerana masyarakat melayu lebih menerapkan unsur ukiran dalam rumah traditional dgn bermacam unsur bagaimana pula seni bina Mogul lebih kepada arch kubah dan menara yg lebih simple”

Informan 2

Hal ini disokong di dalam artikel yang ditulis oleh Mastur Surat dan etc (2011) iaitu Salah Tanggapan Terhadap Lunah Pada Seni Bina Masjid: Pengaruh Pengisian Sejarah Dalam Hasrat Reka Bentuk Masjid. Beliau menyatakan bahawa kubah merupakan suatu bahasa tiruan yang diambil daripada gereja atau bangunan pentadbiran bangsa lain Selama beratus tahun masjid di Nusantara tidak menggunakan kubah sebagai elemen dalam seni bina masjid Tradisional menurutnya lagi.

4.3.2 Kesedaran Terhadap Reka Bentuk Dalaman

Majoriti masyarakat yang sedar pada seni bina yang terdapat di dalam Masjid Zahir merupakan jemaah yang selalu datang ke masjid sahaja. Hanya segelintir golongan yang menyedari akan kehadiran seni bina asing pada Masjid Zahir. Berikut merupakan temu bual bersama beberapa informan:

“Saya tak tau la nama pengaruh asing tu, yang saya tau ni memang bukan seni bina orang kita..... Ingatkan kat luaq ja nampak lawa, masuk dalam lagi lawa!! Paling seronok bila dok bawah kubah masjid, view (pandangan) dia tu tenag ja rasa.”

Informan 4

4.3.3 Kesedaran Terhadap Material Yang Digunakan

Seni bina Tradisional Melayu dan seni bina Mogul menggunakan bahan yang berbeza. Seni bina tradisional Melayu menggunakan kayu keseluruhannya manakala seni bina Mogul menggunakan bahan binaan moden seperti konkrit, semen dan sebagainya. Berikut merupakan temu bual bersama informan:

“Kalau pengaruh Mogul ni pon ada ukiran dia yang tersendiri iaitu ukiran tulisan khat pada konkrit tu, lepas tu dekat mihrab ada seni hiasan marmar..... ciri2 seni bina Mogul pula menerapkan unsur arch dan menara serta kubah yg lebih berunsurkan islamik.

Informan 2

4.4 Kesimpulan

Kesimpulan daripada bab ini ialah kesan seni bina Mogul yang terdapat pada Masjid terhadap seni bina Melayu ialah seni bina Mogul merupakan seni bina yang dibawa ke negara kita bagi mencantikkan seni bina masjid di sini. Seni bina tradisional Melayu tidak akan hilang kerana setiap seni bina mempunyai keunikan masing-masing dan perlu dihargai oleh setiap individu.

Dalam bab ini juga telah merungkai kesedaran masyarakat Kedah yang masih rendah terhadap seni bina yang digunakan pada Masjid Zahir. Hal ini mungkin disebabkan oleh kurang pendedahan kepada jenis seni bina yang terdapat di Malaysia. Seni bina hanya dapat dilihat pada bangunan yang penting seperti masjid, istana atau bangunan pentadbiran.

BAB 5

KESIMPULAN DAN CADANGAN

5.0 Pengenalan

Bab ini akan menyimpulkan keseluruhan kajian yang telah dijalankan mengenai dapatan hasil kajian. Selain itu, beberapa cadangan diusulkan untuk memudahkan pengkaji yang akan datang dalam kajian berkaitan tajuk penyelidikan iaitu pengaruh Mogul pada seni bina Masjid Zahir.

5.1 Rumusan

Pada akhir kajian, kaedah kajian merupakan hasrat pengkaji dalam pembelajaran ini. Pada awal kajian ini dijalankan bagi mencari kesan daripada pengaruh seni bina Mogul yang terdapat pada Masjid Zahir terhadap seni tradisional Melayu. Kajian ini sekaligus memberikan informasi kepada pengkaji berkenaan kesedaran masyarakat Kedah terhadap seni bina Masjid Zahir. Oleh hal yang demikian, kajian ini dijalankan bagi mengetahui kesan pengaruh seni bina Mogul pada Masjid Zahir terhadap seni tradisional Melayu dan kesedaran masyarakat Kedah terhadap pengaruh seni bina tersebut.

Melalui kajian ini pengkaji dapat merumuskan bahawa pengaruh seni bina Mogul pada Masjid Zahir terhadap seni bina tradisional Melayu mempunyai kesan yang ketara. Renspons daripada informan memberikan banyak maklumat berkenaan kesan pengaruh seni bina Mogul daripada segi estetika, sejarah, nilai kreativiti

dan material. Kesan ini menunjukkan kebaikan dan keburukan pengaruh seni bina yang terdapat dalam seni bina bangunan di Kedah. Kini bangunan-bangunan di Kedah mempunyai nilai estetik dan lebih moden. Namun begitu, dengan keberadaan seni bina asing menunjukkan kehilangan seni bina tradisional yang sepatunya dipelihara oleh masyarakat Kedah. Kemudian, pengkaji juga dapat merumuskan bahawa kesedaran masyarakat Kedah terhadap seni bina Mogul yang terdapat pada Masjid Zahir masih rendah. Hal ini berkemungkinan berlaku disebabkan kurangnya pendedahan terhadap variasi seni bina yang terdapat pada bangunan yang terdapat di Kedah. Masyarakat Kedah juga hanya dapat membezakan pengaruh seni bina sekiranya bangunan itu bangunan yang penting seperti masjid, bangunan pentadbiran atau bangunan kerajaan.

5.2 Cadangan

Melalui kajian yang dijalankan pengkaji mempunyai beberapa cadangan yang dapat dikenalpasti. Kajian ini memerlukan beberapa penambahbaikan supaya mutu kajian boleh dipertingkatkan.

Melalui objektif pertama iaitu mengenal pasti kesan pengaruh Mogul pada seni bina Masjid Zahir terhadap seni bina Tradisional Melayu pengkaji mendapati masih terdapat beberapa seni bina lain yang dimasukkan ke dalam seni bina Masjid Zahir. Kajian yang seterusnya perlu menyenaraikan pengaruh seni bina lain yang dimasukkan ke dalam Masjid Zahir. Dalam temu bual bersama informan, beliau menyatakan bahawa selain daripada seni bina Mogul dan tradisional Melayu terdapat beberapa pengaruh seni bina lain yang diterapkan di dalam Masjid Zahir. Hal ini kerana pengkaji hanya mengfokuskan pengaruh seni bina Mogul yang terdapat pada bahagian-bahagian penting Masjid Zahir dan kesedaran masyarakat Kedah terhadap seni bina ini.

Selain itu, kajian akan datang perlu lebih memfokuskan kepada masyarakat yang berlatar belakang umum tanpa mengira penduduk sekeliling atau tidak. Oleh itu, berkemungkinan kajian yang dijalankan mempunyai kekurangan daripada ketepatan dari data primer. Berdasarkan penelitian pengkaji, masih banyak lagi yang perlu dirungkaikan berkenaan kesedaran masyarakat Kedah berkaitan seni bina kubah, menara, seni bina dalaman, dan sebagainya.

BIBLIOGRAFI

- Akta Warisan Kebangsaan, 2005 (Akta 645)
- Ahmad Sid Hijjaz Md Saaid dan Ahmad Sanusi Hassan, (2019), *The Influence Of Mughal Architecture On Masjid Zahir : Case Study On Five Rural Mosque In Malaysia, Kedah*, diterbitkan oleh Politeknik Sultan Abdul Halim Mua'dzam Shah (POLIMAS).
- Ahmad, A. G. (1999). *The Architectural Styles of Mosques in Malaysia: From Vernacular to Modern Structures*. King Saud University, Riyadh, Saudi Arabia, 2, 147-163.
- Amos Rapoport, (2015), *Culture, Architecture and Design*, diterbitkan oleh Locke Science Publishing Co. Inc.
- Anisah Bahyah Ahmad dan Wan Kamal Mujani, (2013), *Seni Bina Islam : Satu Pengamatan* diterbitkan melalui laman web Researchgate.
- Azizah Hamzah, (2010), *Kaedah Kualitatif Dalam Penyelidikan Sosiobudaya*, Jurnal Pengajian Media Malaysia, 2010.
- Basri, F. (2002). *Seni Bina Masjid di Malaysia: Jurnal Tasawwur Islam*, 5(8), 61-74.
- Dana Bredemeyer dan Ruth Malan, (2001), *Architecture Definitions*, diterbitkan oleh Bredermeyer Consulting.
- Ebba Koch, (1991), *Mughal Architecture : An Outline Of Its History And Development 1526-1858*, diterbitkan oleh Prestel Pub.
- John F. Richard, (1993), *The Mughal Empire Part 1, Volume 5*, diterbitkan oleh Cambridge University Press, ISBN 0 521 25119 2.
- Khazae, M., Yaakob, N., Awad, Z.A.M. & Md Ali, Z. (2015), *Mughal or Moorish Architecture: The Origins of Malaysian Mosques During Colonial Periods*, *Pertanika J. Soc. Sci. & Hum.*, 23(3), 639–654.
- Hari Wahyono, (2005), *Makna dan Fungsi Teori dalam Proses Berpikir Ilmiah dan dalam Proses Penelitian Bahasa*, Univesitas Tidar Magelang, Vol. 23, No. 1, 15 Maret 2005, (Tahun Ke-12) : 203-211.

- MalaysiaKini, (2015), Masjid Zahir Alor Setar Cecah 100 Tahun, diterbitkan oleh Bernama.
- Mohd Yuszaidy Mohd Yusoff, Hanapi Dollah dan AB Samad Kechot, (2011), Akta Warisan Kebangsaan, 2005 : Tinjauan Sepintas Lalu, *National Heritage Act, 2005 : A Review*, Jurnal Melayu (8) 2011 : 173-188,
- Mohd Yuszaidy Mohd Yusoff, (2015), Undang-undang dan Akta Perlindungan Warisan Kebudayaan di Malaysia: Satu Analisis Perkembangannya. Doktor Falsafah Tidak diterbit. Pusat Pengajian Bahasa, Kesusasteraan dan Kebudayaan Melayu, Bangi.
- Mohd Yuszaidy Mohd Yusoff, (2018), Pemuliharaan Warisan Budaya Melalui Perundangan Warisan Dan Agensi Pelaksana Di Malaysia, Jurnal Melayu Bil. 17(2) 2018, ISSN 1675-7513
- M.Surat, M.T.M. Rasdi, A.R Musa, N. Utaberta, M.M Tahir, (2011), Salah Tanggapan Terhadap Kubah Pada Seni Bina Masjid : Pengaruh Pengisian Sejarah Dalam Hasrat Reka Bentuk Masjid, UiTM, Volume 1, 2017, ISSN: 1985-6881.
- MTHM Rasdi, (2008), Seni Bina : Sejarah, Teori dan Kritikan diterbitkan oleh UTM Press, ISBN 978-983-53-0463-0.
- New Straits Times, (2014), *Masjid Zahir To Get 100th Year Makeover*, diterbitkan oleh New Straits Time.
- Nor Hafiza Ismail, Hamdzun H, Zuliskandar Ramli, Salina A.M, Sharifah Nur Izzati S.H, Azni H.H, Nani Hartina dan Norwani M.N, (2015), Keindahan Reka Bentuk Masjid Melayu, Prosiding Seminar Antarabangsa Ke-4 Arkeologi, Sejarah dan Budaya di Alam Melayu.
- Nurul Izza Mohd, (2016), Perkembangan Gaya Rupa Mukaan Seni Bina Masjid Bandar Dan Masjid Jajahan Di Negeri Kelantan, UTM.
- Nikolaus Pevsner, (1943), *An Outline of European Architecture*, diterbitkan oleh Harmondsworth, Pelican Books A109.

Sharyzee Mohmad Shukri, Omar Achar dan Naajid Naseeme, (2019), *The Architectural Influences on Alor Setar Historical Buildings in Kedah, Malaysia, Malaysia Architectural Journal*, Vol.1 (Issue.1) December 2019

The Burra Charter, (2013), *The Australia ICOMOS Charter for Places of Cultural Significance*, diterbitkan oleh *Australia ICOMOS Incorporated*, [ARBN 155 731 025]



UNIVERSITI
MALAYSIA
KELANTAN

LAMPIRAN**SOALAN**

1. Adakah dengan kehadiran pengaruh asing ini akan menyebabkan seni bina tradisional Melayu hilang?

Informan 1: Dia bila seni bina Melayu saja, cantik memang cantik tapi bila tambah dengan pengaruh India, Arab, Eropah, Cina pon ada dalam seni bina Masjid Zahir. Tak dak la bagi kesan buruk cuma nak bagi cantik masjid. Bila dok campoq seni bina ni lagi cantik la masjid yang dihasilkan jugak. Contoh masjid yang kita boleh ambek macam Masjid Negara, ambek seni bina ni, seni bina tu campoq-campoq jadi lagi lawa daripada seni bina Melayu yang dok sedia ada.

Informan 2: Pada pendapat saya pengaruh asing ini serba sedikit akan menjejaskan seni bina traditional kerana masyarakat skrg sudah melalui fasa moden yg berunsurkan kesederhaan dan simple

Informan 3: Tidak, kerana senibina tradisional melayu merupakan senibina yg unik dan sntiasa mengekalkan nilai nusantara akan sentiasa mnjadi tarikan. Lagi pula seni bina tradisional masih diterapkan dalam setiap bangunan yang ada supaya tak pupus. Macam contoh masjid zahir masih lagi dimasukkan bumbung condong, tu contoh seni bina melayu.

Informan 4: Saya tak tau la nama pengaruh asing tu, yang saya tau masjid ni memang bukan seni bina orang kita. Tapi bila selalu mai nak semayang tengok lawa masjid!! Sesuai la orang dok gelar Masjid Raja. Ingatkan tengok daripada luaq dah lawa, ni masuk mai semayang dalam dia lagi lawa!! Tu yang saya selalu mai semayang dekat Masjid Zahir ni.....Saya rasa la kan, yang paling lawa bila view (pandangan) tu kita masuk masjid lepas tu tengok kubah masjid dari bawah, memang tenang ja tengok.

2. Apakah bahagian Masjid Zahir yang menggunakan pengaruh Mogul?

Informan 1: Tiang

Informan 2: Bahagian yang menggunakan pengaruh Mogul boleh dilihat pada menara/minaret

Informan 3: Tiang.

Informan 4: Seni bina dalam masjid

3. Kesan pengaruh Mogul terhadap seni bina Melayu?

Informan 1: Pengaruh luaq yang ada dekat Masjid Zahir ni bukannya nak bagi kesan buruk, dia nak bagi cantik ja. Masjid Zahir ni duduk dekat tempat ke 4 antara masjid tercantik dekat dunia. Kiranya pengaruh luaq yang ada dekat masjid ni ada macam pengaruh India, Mesiq, Cina, dengan tradisional pon ada. Taun lepas, pelawat dari China mai seramai 4000 orang nak tengok kecantikkan masjid ni. Bangga la sebagai orang kedah sebab orang mai nak tengok masji kita. Masjid ni jugak dah dapat iktiraf daripada Jabatan Warisan Negara. Depa mai sanitize Masjid Zahir jaa, masjid lain depa tak semboq.

Informan 2: Pada pendapat saya, pengaruh Mogul yang ada pada Masjid Zahir akan menyebabkan seni bina tradisional Melayu semakin hilang walau serba sedikit sebabnya masyarakat sekarang dah banyak yang guna seni bina moden untuk buat rumah, bangunan kerajaan lagi-lagi la masjid. Lepas tu, kesan seni bina Mogul trhdp seni bina melayu adalah akan terjadinya kurang kepakaran terhadap pembuatan ukiran yg diterapkan dalam seni bina melayu dan mengakibatkan rumah melayu traditional pupus

Informan 3: Menjadi senibina melayu di pengaruh dlm pngaruh Mogul

Informan 4: Saya rasa bagus la sebab Masjid Zahir ni ada seni bina lain. Kalau dak susah nak jaga maintenance (penyelenggaraan) masjid bila buat dengan kayu. Kayu la bukan murah macam dulu. Kalau nak buat pon dah susah, dengan maintenace lagi, kos lagi. Tu yang payah sikit bila buat guna seni bina tradisional ni.”

4. Adakah seni bina Mogul mempunyai persamaan dari segi bentuk dengan seni bina tradisional?

Informan 1: Masjid Tradisional ada ruang yang besaq kan, haa macam tu jugak Masjid Zahir yang dok ada pengaruh Mogul tu pon ada ruang yang besaq.

Informan 2: Persamannya adalah sedikit kerana masyarakat melayu lebih menerapkan unsur ukiran dalam rumah traditional dgn bermacam unsur bagaimana pula seni bina Mogul lebih kepada arch kubah dan menara yg lebih simple

Informan 3: Seni hiasan . Satu sebab orang Melayu pon ada seni ukiran dia yang tersendiri contoh macam ukiran kayu apa semua tu laa. Kalau pengaruh

Mogul ni pon ada ukiran dia yang tersendiri iaitu ukiran tulisan khat pada konkrit tu, lepas tu dekat mihrab ada seni hiasan marmar.

Informan 4: Saya rasa tak sama kot, sebab masjid lama mana ada kubah. Kubah ni rasanya orang arab punya.

5. Pada pendapat anda, adakah pengaruh Mogul boleh diasimilasi sebagai seni bina tradisional?

Informan 1: Macam saya cakap, arkitek yang buat masjid masa tu James Gorman, orang putih la. Jadi dia akan usaha nak bawak masuk pengaruh luaq bukan apa nak bagi cantik masjid ja. Bila James Gorman ni buat masjid ni dia kena campoq la pengaruh luaq dengan seni bina tradisional bukan sebab apa, satunya nak bagi masjid tahan lama. Kalau pakai pengaruh luaq saja tak boleh masuk dengan iklim kita ni.

Informan 2: Pada pendapat saya, tidak . krn seni bina tradisional lebih kepada kayu dan unsur flora dan fauna dan tidak sama dgn ciri2 seni bina Mogul kerana ia menerapkan unsur arch dan menara serta kubah yg lebih berunsurkan Islamik.

Informan 3: Pada pendapat saya, ia bleh di jadikan seni bina tradisional kerana senibina telah diwujudkan sejak zaman dahulu.. Disamping kebanyakan senibina skrng kebanyakan dipengaruhi senibina moden dan memudahkan kerja-kerja maintenance bila ada kerosakan. Sebab tu seni bina tradisional dengan seni bina luaq boleh campur.

Informan 4: Boleh gabung sebab semua seni bina ni boleh gabung jaa tapi tengok kepada kesesuaian la.

6. Sejauh mana kesedaran masyarakat kedah terhadap pengaruh Mogul dalam seni bina masjid zahir?

Informan 1: Masyarakat ni berbangga la dengan seni bina yang dok ada dekat Masjid Zahir ni. Tapi orang muda la tak berapa mau ambek tau pasai Masjid. Kiranya sapa yang pernah mai tengok, mai semayang dekat masjid ni, dia tau la dekat mana seni bina tu dok ada. ... Depa tau masjid tu ada seni bina luaq tapi setakat perasan ja laa, nak habaq seni bina apa tak tau.

Informan 2: Kesedaran masyarakat trhdp pengaruh Mogul sangat rendah km ia hanya boleh melihat di bangunan2 yg berunsurkan keagamaan

Informan 3: Masyarakat sekarang kurang mendalami dan memahami apa itu pengaruh seni bina Mogul yg mnyebbkan sesetengah masyarakat tidak mengetahui prinsipal design Masjid Zahir. Dan masih ramai yang tidak ingin mengambil tahu tentang seni bina Masjid Zahir sebagai contoh golongan 18 tahun ke bawah.

Informan 4: Saya rasa sedar ja sebab macam saya mamak, jadi dok nampak la yang Masjid Zahir ni guna seni bina Mogul .Memang bangga dengan Masjid Zahir ni sebab satu, lepas ni tak payah dah nak pi luaq negara semata nak ambek gambaq dengan bangunan sana. Sini pon ada dah, boleh mai ambek gambaq dekat sini ja. Lagi satu pelancong ramai jugak dok mai sini ambek gambaq apa semua, memang bangga la dengan Masjid Zahir. Kiranya seni bina ni dok Nampak dekat byk tempat dah. Kerja pulak jadi

cikgu, kena posting merata tengok masjid banyak jugak yang dah guna seni bina luaq. Kalau orang lain tu tengok jugak la, kot ada yang tau, tau la, ada yang dak, dak la.

Informan 5: Saya rasa orang kedah ni perasan jaa. Tapi tak tau la seni bina apa yang depa guna, Sebab saya sendiri tak perasan. Tapi bila mai tanya ni baru ada rasa nak tau. Apa yang saya tau Masjid Zahir ni antara yang terlawaa laa.

Informan 6: Saya rasa masyarakat kita ni banyak yang sedaq bila tu bangunan penting ja. Macam Masjid Zahir ramai yang akan perasan ni bangunan yang ada pengaruh luaq dekat dalam seni bina dia. Kalau dia selalu mai masjid dia akan perasan dengan masjid-masjid yang dok sedia ada dekat Kedah nampak lain.

Informan 7: Tak tahu la, yang saya tau mai sini untuk ibadat ja. Macam mana bentuk-bentuk masjid dah tak kesah dah, asai boleh mai semayang buat ibadah apa semua tu jadi la.

7. Apakah penerimaan masyarakat Kedah terhadap seni bina Mogul yang diterapkan dalam seni bina Masjid Zahir?

Informan 1: Orang kedah bangga la dengan Masjid Zahir sebab dia cantik. Kalau orang tak mau dengan masjid ni dah lama depa bangkang masa awal nak bina Masjid Zahir. Mungkin la ada yang bangkang ada yang sokong.

Informan 2: Penerimaan masyarakat kedah terhadap seni bina Mogul di masjid zahir sangat menarik dan teruja akan uniknya unsur2 yg diterapkan dalam senibina masjid zahir tersebut

- Informan 3: Masyarakat diawal pembinaan Masjid Zahir dapat menerima dan bejaya mengekalkan senibina Mogul di Masjid Zahir hingga ke masyarakat sekarang..
- Informan 4: Saya bangga la sebab masjid ni guna seni bina Mogul. Arkitek dulu boleh ja nak buat seni lama ka, seni bina cina ka, tapi depa guna seni bina Mogul jugak .terima
- Informan 5: Saya rasa kebanyakan orang Kedah akan bangga dengan seni bina yang ada dekat Masjid Zahir ni sebab dia lawa lepas tu unik.
- Informan 6: Masyarakat kedah banyak yang menerima dengan baik seni bina yang terdapat pada Masjid Zahir sebab masjid ni merupakan masjid yang bersejarah. Dibina selepas Masjid Azizi di Langkat. Seni bina masjid ni ada nilai aetstetik yang menarik minat orang kedah la sebab seni bina dia yang unik.
- Informan 7: Orang tua dulu tak berapa minat sangat bila penjajah yang nak buat masjid. Sebab dia masa tu Tanah Melayu kena jajah lagi. Jadinya orang tua masa tu memang bangkang bila Tunku Mahmud dok usaha nak buat masjid baru. Lepas tu Masjid Lama yang dok sedia ada tu depa pi ubah pi Aloq Merah. Sultan Mad Jiwa pulak berkenan dengan idea Tunku Mahmud. Satunya boleh la nak buat tempat bertabal raja. Depa macam geram la dah pi pindah Masjid Lama kat situ.